قليتا بروني

# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

..N 28 BILANGAN 39 | RABU 28 SEPTEMBER, 1983. | رابو 20 ذوالحجة 1403 | PERCUMA

## ..Y.M.M. rasmi ..tadium Negara ..ssanal Bolkiah

..BEGAWAN. ... D.Y.M.M. ...da Sultan ...uan Negara ...lam telah ...angkat ke ...nian Pem... ...m Negara ...kiah yang ...pong Pulaie ...aat lepas.

... Baginda ...kan oleh Y.A.B. Pemangku Menteri Besar Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz dan Ahli-ahli Jawatankuasa Pembukaan Stadium.

Berangkat sama di istiadat tersebut ialah D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Y.T.M. Paduka

(Lihat muka 24)



## ..mat Hari Jadi ke-70

... 23 September, 1983, menurut persuratan usia ...M. Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda ... Sa'adul Khairi Waddien genap 70 tahun.

...kan Alhamdulillah, Kebawah D.Y.T.M. ... Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien ...Waddien, dengan sukacita mengurniakan sabda ... kasih kepada semua pihak yang telah ... ucapan tahniah dan kesyukuran mereka ... hari ulangtahun keputeraan Kebawah ... Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali ... Khairi Waddien pada tahun ini.

... Pemangku Menteri Besar, Y.A.B. Pehin Orang ... Dato Seri Setia Awang Haji Abd Aziz menyem... ... tarikah pembukaan rasmi Stadium Negara ... adalah dipilih sempena Hari Ulangtahun ...D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir ... Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Y.A.B. ... Besar juga menyembahkan ucapan tahniah dan ... majlis D.Y.T.M. bagi pihak seluruh ... kakitangan kerajaan serta penduduk Negara



# SUMBANGAN DERMA LAMBANG PERPADUAN

Oleh: Abd Karim Haji Abu Bakar

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sumbangan derma dan tenaga yang ikhlas seluruh rakyat dan penduduk negara ini dalam pembinaan Stadium Negara Hassanal Bolkiah melambangkan semangat perpaduan dan persefahaman mereka dalam perkara-perkara yang berkebajikan yang diwarisi.

Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah sejurus sebelum merasmikan stadium tersebut petang Jumaat 23 September lepas menekankan bahawa pembinaan stadium itu jelas menggambarkan perhatian berat Kerajaan Baginda tentang perlunya memupuk semangat cintakan sukan benar-benar berlimpas menyihatkan badan dan olahraga di kalangan anggota masyarakat di negara ini dengan tujuan untuk melahirkan warganegara yang sihat lagi cergas.

"Adalah diharapkan supaya kemudahan-kemudahan yang terdapat di stadium ini akan dapat pula menolong dan menggalakkan ahli-ahli sukan di negara ini pada meningkat maju mutu permainan mereka di dalam berbagai bidang sukan dan olahraga," titah Baginda.

Baginda percaya rakyat dan penduduk negara ini bukan saja gembira kerana telah mempunyai stadium yang cantik dan menarik, tetapi juga berbangga kerana tujuan asal pembinaannya iaitu untuk memperingati keberangkatan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II ke Brunei 29 Februari 1972 dengan izin Allah telah tercapai.

Baginda juga berharap semoga stadium itu akan terus tersergam dan berdiri dengan megah sebagai lambang dan ristaan zaman tentang perhubungan antara negara ini dengan United Kingdom.

(Lihat muka 24)

## Perkenalan dengan pemain2

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung ziarah oleh seorang pemain kebangsaan kita, Ak Zamani ketika Baginda bercemar duli untuk menerima perkenalan kesemua pemain-pemain bolasepak yang terdiri dari pasukan Kebangsaan Brunei dan pasukan Sheffield United dari United Kingdom yang diundang khas bagi menyerikan dan sebagai salah satu acara Istiadat Perasmian Stadium Negara Hassanal Bolkiah yang telah Baginda rasmikan pada petang Jumaat, 23 September, 1983 lepas. Mengiringi Baginda dalam perkenalan tersebut ialah Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussein, Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan Brunei.

## MANISNYA IMAN

"YA ALLAH! Bantulah aku pada mengukuhkan ugamaku dengan duniaku dan pada menyempurnakan keperluan akhiratku dengan ketakwaanku kepada-Mu." — Hadis Nabi riwayat At-Tabarani.

Pelita Brunei

28 SEPTEMBER, 1983.

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## STADIUM KEBANGGAAN KITA:

## BUKTI KETEGUHAN PERPADUAN SERTA KETINGGIAN SEMANGAT

NEGARA kita telah mencatat lagi kegemilangannya dengan mempunyai stadiumnya bertaraf antarabangsa.

Satu-satunya bangunan yang terbesar setakat ini, stadium yang dikurniakan nama sebagai Stadium Negara Hassanal Bolkiah itu setentunya tepat menjadi kemegahan rakyat dan penduduk negara ini. Ia dilengkapkan dengan peralatan-peralatan moden dan boleh memuat kira-kira lima belas peratus (15%) daripada bilangan penduduk pada masa ini.

Sejak permulaan perancangannya lagi, ia melibatkan penyertaan rakyat dan penduduk menerusi sumbangan derma. Sumbangan derma yang seangkat-angat hati itu memang tidak dijangka akan dinilai dari jumlahnya. Ia dinilai dari semangat penglibatan di dalamnya. Dengan penglibatan rakyat dan penduduk dalam pembinaan stadium itu maka stadium yang membanggakan itu selayaknya dirasakan sebagai keupayaan bersama yang kerananya kita sama-samalah akan memelihara dan memanfaatkan segala kemudahan di dalam dan di sekitarnya dengan cermat dan dengan sebaik-baiknya.

Pemikiran di kalangan perancang pembinaannya bagi melibatkan rakyat dan penduduk dapat pula ditafsirkan sebagai menandakan kepercayaan betapa rakyat dan penduduk perlu digerakkan dan dipimpin ke arah berperasaan bangga dengan mempunyai penglibatan dalam sesuatu projek raksaksa. Dan Alhamdulillah, penglibatan mereka berupa sumbangan derma yang seangkat-angkat hati itu telah tidak putus-putus disebutkan oleh pemimpin-pemimpin kita di saat-saat bersejarah perasmian stadium itu. Sumbangan mereka dikenang dan penglibatan mereka dihargakan.

Dengan semangat yang ... stadium tersebut, insya-Allah ... ja akan merupakan suatu ... dimegahkan tetapi juga ... bang yang membuktikan ... duan kita serta ketinggian ... minat kita terhadap sukan.

Setentunya, kebanggaan ... memiliki stadium tersebut ... gemilang lagi manakala kita ... faatkan setiap penggunaan ... menguntungkan perkembangan ... jasmani rakyat serta pend... itu, selain pertemuan-perte... kita juga berharap ianya ... gelanggang bagi lain-lain aca... hubungnnya dengan perkem... pembangunan, pendi... kemasyarakatan, keugamaan ... serta juga unsur yang layak ... kita untuk mengimbangkan ... bidang rohani dan jasmani.

## Askar Gurkha akan terus ditempatkan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Negara Brunei Darussalam telah menamatkan perbincangannya dengan Great Britain mengenai penempatan satu batalion Askar Gurkha di negara ini.

Menteri Negara British bagi Hal-Ehwal Luar dan Komanwel, Mr Richard Luce, yang melawat negara ini minggu lalu telah menyatakan hal tersebut setelah mengadakan rundingan dua hari dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Dalam satu kenyataannya Menteri tersebut berkata, tujuan utama lawatan beliau adalah untuk menamatkan perbincangan mengenai penempatan pasukan British di negeri ini setelah merdeka.

Beliau melahirkan rasa gembira kerana perbincangan tersebut telah berakhir dengan memuaskan dan satu batalion Askar Gurkha akan terus ditempatkan di negara ini di bawah urusan-urusan yang ada sekarang.

Katanya kedua belah pihak juga telah mengkaji dan memperbaharui perjanjian-perjanjian yang berkaitan dengan peruntukan pegawai-pegawai tentera British yang dipinjamkan kepada pasukan bersenjata Kebawah D.Y.M.M. dan juga penggunaan kemudahan-kemudahan latihan di Brunei oleh pasukan British.

Beliau juga menegaskan sebagai tanda betapa pentingnya perhubungan itu kepada British, kerajaan British akan menghantar Putera Wales bagi mewakili D.Y.M.M. Baginda Queen di perayaan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada 23 Februari 1984.

Menteri Negara British bagi Hal-Ehwal Luar dan Komanwel itu telah berlepas pulang pada hari Jumaat lalu.

Semasa berada di negara ini beliau telah diraikan di satu majlis makan malam yang diberikan oleh Pemangku Menteri Besar Y.A.B. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awag Haji Abdul Aziz di rumah kediaman rasmi beliau di Rumah Jerambak.

**BERIKUT ialah ucapan Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan di upacara pembukaan rasmi khemah angkatan bersenjata Singapura di Lakiun, Temburong pada hari Sabtu, 17 September 1983.**

## BRUNEI TERUS TINJAU PERKEMBANGAN EKONOMI SOSIAL DAN LAIN-LAIN

ALHAMDULLILAH, saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah petunjuk-Nya jua dapatlah kita melaksanakan satu lagi majlis yang berkebajikan pada pagi ini. Selawat serta salam kita tujukan kepada Nabi Besar kita Muhammad s.a.w. serta pengikut-pengikut dan sahabat-sahabat Baginda.

Terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Kementerian Pertahanan Singapura atas penghormatan yang diberikan kepada saya pada pagi ini untuk melaksanakan pembukaan rasmi khemah Angkatan Bersenjata Singapura di Lakiun ini. Seterusnya, dengan perasaan penuh muhibbah lagi mesra saya ingin mengalu-alukan kedatangan Awang Lim Siong Guan, Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan Singapura, serta rombongan Pegawai-pegawai Kanannya ke negara ini. Mudahmudahan lawatan sebegini akan berterusan untuk memupuk ikatan persahabatan yang lebih muhibbah dan persefahaman yang lebih erat di antara pegawai-pegawai Kerajaan kedua buah negara.



Y.B. Pemangku Setiausaha Kerajaan juga telah diiringi melawat ke persekitaran kem itu yang terletak kira-kira 6 batu dari Pekan Bangar.

Sepertimana kita sama-sama maklum, Angkatan Bersenjata Singapura telah pun menubuhkan perkhemahan untuk latihan yang pertama di negara ini, iaitu khemah Kilong di Bangar pada tahun 1977 dengan menempatkan satu Kompeni Askar Berjalan Kaki dari Singapura. Kem Lakiun adalah khemah yang ditubuhkan dengan harapan ia akan memberikan kemudahan-kemudahan latihan yang lebih baik kepada anggota-anggota Angkatan Bersenjata Singapura, khusus dalam bidang taktik pertempuran hutan.

Tentu sekalilah kedatangan anggota-anggota tentera dari Singapura ke negara ini akan menimbulkan berbagai-bagai pandangan kepada mereka sendiri disebabkan perbezaan pemandangan dan alam sekitar di antara Kota Singapura dengan Temburong ini terutamanya. Tidaklah salah lagi saya untuk menyatakan bahawa bagi anggota-anggota tentera dari Singapura, latihan di Brunei Darussalam sekurang-kurangnya akan memberikan pengajaran yang mendalam mengenai dengan hakikat hidup yang sebenarnya dalam sebuah negara yang mempunyai tradisi dan kebudayaan serta corak hidup yang mendalam, dan dapat menghargai malah menghormati apa yang kita, dalam negara ini cuba lakukan dan laksanakan dalam menempuh zaman baru sendiri.

Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang kecil yang akan mengambil semula peranannya dalam dunia antarabangsa sebagai sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat tidak berapa lama lagi, terus meninjau akan perkembangan-perkembangan ekonomi, sosial dan lain-lainnya daripada negara-negara yang sudah maju ke hadapan terutamanya negara-negara yang mempunyai latarbelakang dan keadaan alam yang seakan-akan sama dengannya, seperti negara-negara jiran. Negara Brunei Darussalam dalam menempuh zaman barunya akan terus mengamalkan dasar untuk berbaik-baik dengan negara-negara lain yang ikhlas dan jujur terhadapnya, yang mana apa jua perhubungan yang diadakan adalah berasaskan kepada prinsip saling faham-memahami, percaya-mempercayai dan hormat-menghormati akan keperluan dan kepentingan masing-masing. Dengan prinsip sedemikian, Negara Brunei Darussalam akan dapat memainkan peranannya sebagai sebuah negara merdeka yang makmur dan maju dalam rantau ini.

Dalam majlis yang indah dan permai ini saya sukacita mengambil kesempatan untuk menyampaikan penghargaan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam kepada Kerajaan Republik Sing... telah memb... bagai kem... sahaja kepada ... Melayu Diraja ... bidang latihan ... kemudahan ... latihan dan ... kepada pih... pelajaran ... awam, pos, dan ...

Akhirnya, s... ingin menyam... semoga khem... Lakiun ini ... memberikan ... kemudahan ... pelatih dan p... memberi la... Angkatan ... Singapura, s... yang dipe... diharapkan ... Bersenjata Sing... hal-ehwal pe... khususnya d... berharap se... yang akan ... khemah ini ... angota-angota ... cekap dan se... memainkan pe... masing dal... ketenteraman ... jahteraan neg... rantau ini.



KELIHATAN Menteri Negara British bagi Hal-Ehwal Luar dan Komanwel, Mr. Richard Luce sedang berbual-bual dengan Y.A.B. Pemangku Menteri Besar Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz dan Y.A.M. Pengiran Maharaja Lela Sahibul Kahar Pengiran Anak Haji Mohd Yusof di majlis makan malam di rumah Y.A.B. Pemangku Menteri Besar.

### PEMBET...

DALAM kei... minggu lalu (2... 1983) keteran... muka 1 yang ... "Ketibaan D.Y.M.M. Paduka ... da Raja Isteri Pe... Saleha....", sep... seperti "Keberangkatan ... Duli Yang Ma... Paduka Seri Ba... Isteri Pengiran An... Pertunjukan B... Hidup dan Orkid ... alukan oleh ahli ... pulan Pertubuhan ...

Sementara ke... gambar-gambar di ... dapat kesilapan ... terasul yang ... disebutkan Y.A.M. ... Negara Indera Pe... Kamarulzaman dan ... Y.T.M. Pengiran ... dera Pengiran ... Kamarulzaman.

Kami menumpu... kesilapan yang ... jakan itu — Pen...

# PUTERA DAN PUTERI KEBAWAH D.Y.M.M. BUAT LAWATAN KE MUZIUM DAN PUSAT KESENIAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Putera dan Puteri-puteri Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Raja Isteri berserta dengan lain-lain putera-puteri Kerabat Diraja telah berangkat melawat Jabatan Muzium-muzium dan Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan pada Khamis lepas.

Keberangkatan itu telah dialu-alukan oleh Pengarah Muzium-muzium Brunei Awang Abd. Razak bin Mohammad dan timbalannya serta pegawai-pegawai kanan Muzium.

Bahagian pertama yang dikunjungi ialah Dewan Pameran Shell dan lain-lain bahagian pameran seperti Bahagian Ilmu Kejadian, Bahagian Etnografi (Kajibangsa), Bahagian Kajipurba (Akioloji), dan Bahagian Rumah-rumah.

Sebelum mengakhiri lawatan, Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah telah berkenan menerima cenderamata kenangan dari Awang Abd Razak bin Mohammad.

Rombongan pelawat seterusnya meneruskan lawatan ke Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan di Kampung Perpindahan Berakas dan telah dialu-alukan oleh Y.D.M. Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Laila Utama Hj Abd. Rahman dan Awg Hj. Md. Yassin bin Hj Metussin, Penyelia Pusat tersebut serta lain-lain Pegawai.

Semasa di sana, rombongan melawat ke bahagian tenunan kain, pertukangan tembaga, perak dan anyaman.

Sebelum berangkat pulang rombongan pelawat Diraja telah dipersembahkan sebuah cenderamata kepada Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, yang disampaikan oleh Y.D.M. Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Laila Utama Hj. Abd. Rahman.

Lihat muka 10

## ...ebawah D.Y.M.M. ...erkenankan lantikan ...n penetapan jawatan

...Duli Yang Maha ... Seri Baginda ... Yang Dipertuan ... Darussalam ...kenankan lan... ...etapan jawatan ...egawai yang

... bin Haji ... Timbalan ... dilantik ... sementara ... Pertanian ... Dato Paduka ... Jaafar bercuti ... mulai dari 16 ... 1983.

... bin Othman, ... Kanan ... memangku ... Timbalan ... mulai ... September 1983.

... bin Haji ... Pengarah ... dalam ... Pengarah ... dari 1 Jun

... Lim, Timbalan ... dilan... memangku semen... Pengarah Pener... mulai dari 4 ... 1983 dan Awang H ... Pengarah Penerbangan Awam telah dibenarkan menyambung perkhidmatan sebagai Penasihat Pengarah Penerbangan Awam bagi tempoh selama enam bulan.

Baginda juga telah memperkenankan pegawai-pegawai berikut untuk berkhidmat dengan Agensi Pelabor (Investment Agency) di Jabatan Kewangan.

Awang Abdul Rahman bin Haji Karim, Pengarah Lembaga Kemajuan Ekonomi, Awang Mohammad Syaipuddin bin Haji Abdullah, Pegawai Projek di Lembaga Kemajuan Ekonomi, Awang Mohammad bin Haji Wasli, Timbalan Pendaftar Taraf Kebangsaan di Pejabat Imigeresen siapa yang dipinjamkan bertugas di Lembaga Kemajuan Ekonomi.

Awang Aziz bin Abdul Rahman, Pegawai Pentadbir Tingkatan I di Unit Perkhidmatan-Perkhidmatan Pengurusan Pejabat Perjawatan, Awang bin Kassim, Jurukira Jabatan Kewangan dan Pengiran Haji Momin bin Pengiran Lela Wijaya Pengiran Haji Mohd Yusof, Jurukira Jabatan Kewangan.



JENTOLAK dari Jabatan Kerja Raya sedang membersihkan tanah-tanah dan lumpur yang runtuh dan menimpa Jalan Tutong.



USAHA pembersihan sedang dijalankan untuk memulihkan keadaan kesesakan lalulintas.

## Tanah runtuh

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu kejadian tanah runtuh telah berlaku pada hari Jumaat yang lalu di batu setengah Jalan Tutong. Ianya berlaku disebabkan oleh hujan yang turun dalam beberapa hari kebelakangan ini.

Tanah-tanah dan lumpur dari atas kawasan bukit Kampung Kiulap runtuh ke bawah dan menimpa sebahagian besar Jalan Tutong.

Sementara itu sebahagian bangunan hospital baru di kawasan tersebut juga turut mengalami sedikit kerosakan pada bahagian-bahagian dinding pagar yang baru saja siap pembinaannya.

## Daftar kematian dalam tempoh 12 jam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Brunei memaklumkan kepada orang ramai bahawa dalam Undang-Undang Pendaftaran Beranak dan Mati (1951) adalah menjadi kesalahan jika seseorang gagal melaporkan kematian seseorang kepada Timbalan Pendaftaran Beranak dan Mati di tempat kematian itu terjadi dalam tempoh 12 jam dan tidak lewat dari tiga hari.

Oleh yang demikian, menurutnya kelambatan pendaftaran sering terjadi dan perkara seperti ini adalah tidak diingini.

Kelambatan ini terjadi ada di antaranya disebabkan mereka hanya membuat laporan apabila mereka memerlukan Sijil Mati sebagai bukti, seperti apabila hendak berkahwin lagi, hendak menuntut insurans, waris dan lain-lain tujuan.

Menurutnya lagi kadang-kadang mereka hanya pergi mendaftar selepas dua hingga tiga tahun setelah kematian dan ini menyebabkan Perangkaan Tahunan Bahagian Pendaftaran Beranak dan Mati, Jabatan Perubatan kurang tepat.

# PANDUAN SISTEM EJAAN RUMI BARU BAHASA MELAYU

...uruf kh tetap menjadi *kh*

...ontoh :

| ...Inggeris | Bahasa Melayu |
|---|---|
| | khaki |

...uruf l atau *ll* menjadi *l*

...ontoh :

| ...Inggeris | Bahasa Melayu |
|---|---|
| | liberal |
| | bil |
| | pil |

...uruf m atau *mm* menjadi *m*

...ontoh :

| ...Inggeris | Bahasa Melayu |
|---|---|
| | emosi |
| | polemik |
| | mamalia |

...uruf n atau *nn* menjadi *n*

...ontoh :

| ...Inggeris | Bahasa Melayu |
|---|---|
| | neon |
| | nuklear |

| | |
|---|---|
| tennis | tenis |
| antenna | antena |

36. Huruf *ng* tetap menjadi *ng*

Contoh :

| Bahasa Inggeris | Bahasa Melayu |
|---|---|
| congress | kongres |
| linguistics | linguistik |

37. Huruf *o* tetap menjadi *o*

Contoh :

| Bahasa Inggeris | Bahasa Melayu |
|---|---|
| operator | operator |
| orthodox | ortodoks |
| cargo | kargo |
| tempo | tempo |

38. Huruf *oa* menjadi *o*

Contoh :

| Bahasa Inggeris | Bahasa Melayu |
|---|---|
| cardboard | kadbod |
| coat | kot |
| boat | bot |

39. Huruf *oe* menjadi *e*

Contoh :

| Bahasa Inggeris | Bahasa Melayu |
|---|---|
| foetus | fetus |

40. Huruf *oi* tetap menjadi *oi*

Contoh :

| Bahasa Inggeris | Bahasa Melayu |
|---|---|
| choir | koir |
| alkaloid | alkaloid |

41. Huruf *oo* tetap menjadi *oo*

Contoh :

| Bahasa Inggeris | Bahasa Melayu |
|---|---|
| zoo | zoo |
| zoology | zoologi |

42. Huruf *oo* menjadi *u*

Contoh :

| Bahasa Inggeris | Bahasa Melayu |
|---|---|
| cartoon | kartun |
| kangaroo | kanggaru |
| bamboo | bambu |

43. Huruf *ou* menjadi *au*

Contoh :

| Bahasa Inggeris | Bahasa Melayu |
|---|---|
| account | akaun |
| pound | paun |

44. Huruf *ou* menjadi *u*

Contoh :

| Bahasa Inggeris | Bahasa Melayu |
|---|---|
| coupon | kupon |
| serious | serius |

45. Huruf *p* atau *pp* menjadi *p*

Contoh :

| Bahasa Inggeris | Bahasa Melayu |
|---|---|
| passport | pasport |
| apple | epal |

46. Huruf *ph* menjadi *f*

Contoh :

| Bahasa Inggeris | Bahasa Melayu |
|---|---|
| paragraph | paragraf |
| phoneme | fonem |
| phonetic | fonetik |
| photo | foto |

# PENERANGAN FAHAMKAN KEDUDUKAN DAN TARAF BRUNEI

LUMAPAS. —Gerakan Penarangan yang dibuat pada akhir-akhir ini bukanlah bertujuan untuk memberitahu rakyat mengenai corak kerajaan selepas negara ini mencapai semula tarafnya sebagai sebuah negara yang merdeka penuh tetapi penerangan yang dibuat adalah secucuk dengan strategi kerajaan untuk rakyat dan pendukuk memahami kedudukan serta taraf Brunei yang sedia menikmati kerajaan sendiri dalam negeri dan memberikan peluang kepada semua peringkat untuk menerima hakikat bahawa kita di Brunei bukanlah baru akan memulai menubuhkan negara berikutan daripada pencapaian kemerdekaan itu, sebab Negara Brunei sudah lama tertubuh dengan asasnya yang jelas.

Hal itu telah dihuraikan oleh Pengarah Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman dalam jawapannya kepada pertanyaan mengenai corak Kerajaan selepas merdeka oleh salah seorang penduduk Mukim Lumapas dalam Perjumpaan Penerangan yang diadakan di Sekolah Melayu Lumapas.

"Kami di Bahagian Penerangan Jabatan Setiausaha Kerajaan bukanlah pada taraf yang berkelayakan untuk meramalkan bentuk dan corak kerajaan selepas merdeka apalagi untuk memberitahu orang ramai mengenai hal itu," kata Awang Haji Badaruddin.

Bagaimanapun, menurutnya, adalah menjadi tugas Bahagian Penerangan untuk memahamkan orang ramai bahawa apa pun perkembangan di masa hadapan itu rakyat hendaklah terus-menerus menaruh keyakinan untuk bersama-sama kerajaan bagi memaju dan mempertahankan kepentingan Negara Brunei yang merdeka.

Kerana itulah, katanya, semua pihak mesti menyedari bahawa Brunei yang merdeka memerlukan kerajaan yang kuat dan mantap bukan saja untuk berfungsi memberikan kemudahan dan perkhidmatan bahkan juga untuk memikul tanggungjawab mentadbirkan negara sepenuhnya dan memimpin rakyat ke arah memenuhi ertikata negara dan bangsa yang merdeka.

Terdahulu daripada itu, Awang Haji Badaruddin telah bercakap mengenai Sambutan Hari Kemerdekaan dan Hari Kebangsaan yang akan diadakan.

Menurutnya, sambutan tersebut dihasratkan sebagai suatu tanda bahawa segenap lapisan rakyat dan penduduk menyambut kemerdekaan itu dengan meriah, bangga serta merasa beruntung sempat menyertainya lalu bersyukur di atas limpah kurnia Allah yang memperkenankannya mempunyai negara yang merdeka.

Perjumpaan Penerangan pagi Jumaat itu telah dihadiri oleh lebih 350 orang penduduk dari mukim tersebut dan telah dianjurkan bersama oleh penduduk-penduduk Mukim Lumapas dengan Bahagian Penerangan, Jabatan Setiausaha Kerajaan dengan dipengerusi oleh Cikgu Md Said bin Haji Bakir.

Perjumpaan yang serupa akan juga diadakan di beberapa buah Mukim dengan tujuan membolehkan orang ramai mendapatkan penerangan secara langsung berhubung dengan hal-ehwal Kerajaan dari pegawai-pegawai pejabat berkenaan.

Di antara yang hadir pagi itu ialah Penghulu Mukim Lumapas; ketua-ketua kampung di mukim itu; dan pegawai-pegawai kanan Bahagian Penerangan.



SEBAHAGIAN penduduk-penduduk yang menyertai perjumpaan tersebut sedang mendengar penerangan daripada Pengarah Pen... Badaruddin.

# Murid-murid merupakan pelaburan akan datang



AWANG Abdul Aziz

PEKAN BANGAR. — Murid-murid hari ini adalah merupakan suatu pelaburan dan harapan negara untuk menjadi pemimpin di masa akan datang.

Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Abd. Aziz bin Mohammad ketika berucap di Majlis Penyampaian Hadiah Kepujian Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad pada 15 September minggu lepas menggesa mereka supaya akan belajar bersungguh-sungguh untuk memenuhi cita-cita dan harapan itu, lebih-lebih lagi ke arah memperbanyakkan tenaga-tenaga mahir yang diperlukan oleh negara ini terutama di bidang kejuruteraan dan teknikal.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, jelas beliau, melalui Jabatan Pelajaran sentiasa memberikan peluang kepada mereka yang maju dalam pelajaran untuk melanjutkan pengajian sehigga ke peringkat yang setinggi-tingginya dan adalah diharapkan mereka tidak akan membiarkan peluang itu begitu begitu saja.

Kepada 36 orang murid-murid sekolah-sekolah rendah daerah Temburong yang menerima hadiah-hadiah pada pagi hari Khamis itu, beliau menyatakan bahawa kejayaan yang mereka capai pada hari itu adalah merupakan peringkat permulaan saja. Kerana ilmu pengetahuan itu, katanya, adalah merupakan suatu bidang yang luas dan tidak akan habis dituntut walau hingga akhir hayat kita.

Kepada Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad, Awang Abd. Aziz melahirkan penghargaan atas sumbangan dan bantuannya dalam samasama memberikan galakan dan dorongan kepada murid-murid untuk melipatgandakan usaha meninggikan pelajaran bagi kepentingan penuntut itu sendiri dan juga negara ini.

Terdahulu dari itu, wakil Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad, Malai Mohammad bin Malai Haji Othman yang juga telah menyampaikan hadiah-hadiah menyatakan dalam ucapannya bahawa penyampaian hadiah kepujian itu pada asasnya antara lain bertujuan untuk menanamkan sifat-sifat berlumba-lumba atau 'competative attitude' di kalangan murid-murid dalam menimba ilmu pengetahuan.

Beliau seterusnya mengharapkan hubungan erat dan mesra antara pihak syarikat itu dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Ya... Negara Brune... akan terus mem...

Pengerusi ... Penyampaian ... jian Syarikat ... Brunei Berhad ... Sekolah Rendah ... burong, Awang ... Rahman bin ... Penyelia Ka... Sekolah Rendah ... burong telah ... paikan ucapan ...

Majlis yang ... Dewan Kema... sini telah juga ... Penolong Pe... Temburong, A... Pg. Kamaludd... Datu Pekerma ... Haji Abd. Ra... Y.B. Pehin D... Awang Haji A... Baha; pegaw... kanan keraja... penghulu dan ... kampung; g... dan ibu bapa ...

# 'BISTARI' lawat lapangan terbang

BERAKAS. — Serombongan kira-kira 20 orang ahli-ahli Persatuan Isteri-Isteri Pegawai Kerajaan ringkasnya BISTARI pada hari Sabtu lalu telah mengadakan lawatan singkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa di sini.

Rombongan tersebut diketuai oleh Timbalan Yang Dipertua Persatuan, Datin Hajjah Yukmas bte Muhammad telah dialu-alukan oleh pegawai-pegawai di Jabatan Penerbangan Awam.

Sebelum menyaksikan dan melawat ke beberapa bahagian di Jabatan itu, rombongan itu telah menerima penerangan ringkas mengenai dengan Model Bangunan Terminal yang baru yang telah disampaikan oleh Pengarah Jabatan Penerbangan Awam, Awang Job Lim.

Kemudiannya, mereka telah dibawa melawat ke Bahagian Maklumat Kajiterbang (AIC) dan di Bahagian Kajicuaca (Meteorology) dengan menerima penerangan ringkas dari Peramal Kajicuaca Dayang Haleh Khutbal.

Bilik Radar Stimulator dan Bilik Kawalan Radar adalah di antara tempat yang sempat dilawati oleh ahli-ahli persatuan tersebut.

Seterusnya rombongan tersebut telah sempat menyaksikan satu demonstrasi mengenai tugas dan tanggungjawab ahli-ahli Bomba di Bahagian Bomba Lapangan Terbang dan kemudianya melawat Balai Kajicuaca dan Radar Head.

Akhir sekali pelawat-pelawat itu telah dibawa melawat ke Dairy Farm. — ZHS.



AHLI-AHLI Persatuan Bistari mendengar penerangan mengenai model Terminal baru dari Pengarah Jabatan Penerbangan Awam, Awang Job Lim.

# MEMBUNUH: DOSA BESAR YANG KEDUA

[MA]RILAH kita sama-sama bertakwa ke hadrat Allah dengan [tun]duk dan patuh kepada perintah-Nya, dan ingatlah bahawa [den]gan cara demikian itu sahaja kita akan selamat dan ber- [...] dunia dan di akhirat.

[Set]elah selesai menerangkan dosa besar yang pertama, iaitu syirik [...]ah. Berikutnya, ialah dosa besar yang kedua iaitu membunuh [...] kerana hak yang dibenarkan oleh Allah.




[...] dunia kita [...] macam-macam [...]erangan dan [...] dilakukan oleh [...] Orang-orang [...] ingat, supaya [...]embunuh jiwa [...]aramkan oleh [...] jiwa sesama [...] orang-orang [...] orang-orang [...] mengikat [...] berdamai [...]-orang Islam [...] yang disebut [...]rin di dalam [...].

[...] jiwa itu [...] cara dan [...] Dengan senjata [...] pisau, dengan [...] tali, dengan [...] tangan, [...] khianat yang [...] oleh orang- [...] dan lain-lain. [...] jika dilakukan [...] membunuh, [...] yang me- [...] adalah pem- [...]nya sangat [...] dibalas dengan neraka jahanam oleh Allah s.w.t. Firman Allah di dalam surah An-Nas ayat 93 : Tafsirannya :

**"Dan siapa yang membunuh orang beriman dengan senghaja, balasannya ialah neraka jahanam, mereka kekal di dalamnya. Dan Allah marah kepadanya dan mengutuknya. Dan untuk mereka itu Allah sediakan azab yang besar."**

**"Dan siapa yang membunuh orang beriman dengan senghaja, balasannya ialah neraka jahanam, mereka kekal di dalamnya. Dan Allah marah kepadanya dan mengutuknya. Dan untuk mereka itu Allah sediakan azab yang besar."**

### BERBUNUH-BUNUHAN

Yang membawa manusia ini berbunuh-bunuhan adalah disebabkan kerana sifat-sifat mazmumat (keji) bersarang di dalam dirinya, seperti dengki, dendam, tamak, marah dan lain-lain lagi. Orang-orang beginilah yang mudah tergamak melakukan perbuatan-perbuatan jenayah besar, seperti membunuh, merompak, mencolek dan sebagainya. Barangkali perbuatan seperti merompak dan mencuri itu tidak boleh ditapuk-tapuk oleh penjenayahnya, tetapi perbuatan membunuh dan membinasakan jiwa kadang-kadang bukan semuanya dilakukan berterang-terangan. Ia boleh pula dibuat atau dirancangkan dalam gelap melalui perbuatan-perbuatan yang tidak boleh dikesan atau sukar diketahui. Nabi s.a.w. sendiri umpamanya pernah hendak dibunuh oleh perempuan Yahudi dengan cara menaruh racun di dalam daging kambing. Khalid bin Al-Walid diberi minum racun oleh musuh, tetapi berkat doa yang dibacanya racun itu jadi tawar tidak dapat membinasakannya. Begitulah, pendeknya pembunuh itu akan mencari jalan dan cara yang difikirkannya, yang benar-benar berkesan boleh membinasakan nyawa orang yang dihajatinya. Pada masa itu dia tidak memikirkan betapa orang yang teraniaya akan menanggung sakit, bahkan dia suka dan ketawa jika orang itu binasa.

Begitulah jahat dan kejinya perangai dan jiwa si pembunuh. Dan kerana itu pula, Allah sediakan siksa yang amat pedih untuknya di akhirat. Sebuah hadis Nabi s.a.w. ada menyebut, yang dikeluarkan oleh Al-Bukhari, yang lebih kurang ertinya : *"Siapa orang Islam yang membunuh kafir Muahad (Orang Yahudi dan Nasrani yang berjanji taat setia dan mendapat perlindungan dalam negara Islam), siapa yang membunuh mereka ini, orang itu tidak akan mencium bau syorga."* Itu membunuh orang kafir Muahad, betapa pula kalau membunuh sesama Islam?.

### DUA HADIS

Di dalam hal ini, ada dua hadis Nabi s.a.w. yang ingin kita sebutkan maknanya sahaja. Pertama hadis riwayat Al-Imam Ahmad Rahimahullah yang bermakna lebih kurang :

*"Barangsiapa yang menolong membunuh orang Islam dengan setengah patah perkataan sahaja pun, nescaya manakala berjumpa dia dengan Allah Taala, akan nampak tertulis di antara dua keningnya : Inilah orang yang berputus asa dari rahmat Allah."*

Dan hadis kedua dari sahabat Muawiyah r.a. katanya : Rasulullah s.a.w. telah bersabda yang maksudnya : *"Semua dosa kiranya akan diampunkan Allah, melainkan seorang yang mati kafir, atau yang membunuh orang Mukmin dengan senghaja."*

Demikian keterangan-keterangan ini kita cabut dari Kitabul Kabaanir karangan Al-Imam Al-Hafiz Shamsuddin Az-Zahabi.

Mudah-mudahan huraian dan penerangan ringkas ini dapat serba sedikit memberi pengetahuan dan ingatan kepada umat Islam di negara ini pada khususnya.



[...] Y.D.M. Pehin Udana Khatib Awang Haji Abd Aziz bin Juned, Pemangku Kadi Besar sedang [...] kepada Awang Salleh bin Haji Md Yassin johan membaca sajak sempena sambutan Hari [...] Badan Kebajikan dan Sukan, Bahagian Penerangan Jabatan Setiausaha Kerajaan pada 19 [...] yang telah diadakan di Dewan Peringatan Churchill.

# DERMAWAN YANG JUJUR DAN IKHLAS

**Oleh: Timbang Bakar**

***Bingkisan minggu ini***

DI DALAM sejarah kebangkitan Ugama Islam kita dapati banyak di antara tokoh-tokoh dalam ugama kita itu yang memiliki sifat-sifat dermawan, salah seorang daripadanya ialah Sayidina Abu Bakar As-Sidiq iaitu Khalifah Islam yang pertama.

Sayidina Abu Bakar dengan penuh kejujuran dan kemurnian hati Baginda telah mengorbankan banyak harta benda yang antara lain tujuannya ialah untuk perkembangan Ugama Islam sendiri dan untuk belanja pembebasan hamba-hamba yang berugama Islam dari belenggu penyiksaan tuan-tuan mereka masing-masing. Di antara hamba-hamba yang menerima sumbangan bakti Sayidina Abu Bakar itu termasuklah Bilal, Muazzin (tukang bang) di zaman Rasulullah s.a.w.

Derma bakti dan sumbangan serta pengorbanan yang suci dari Baginda itu telah diterangkan sejelas-jelasnya sebagai contoh di dalam Al-Quran surah Al-Lail ayat 19 hingga 21 yang bermaksud : *"Dan tidak ada padanya budi seseorang yang patut dibalas, melainkan semata-mata kerana mencari keredaan Tuhannya yang maha tinggi, dan dia akan reda dan senang."*

Sesungguhnya hati yang jujur, ikhlas dan murni akan sentiasa berusaha untuk menghulurkan sumbangan, baik sumbangan tenaga atau fikiran ataupun harta benda. Sumbangan itu pula bukanlah didorong atau ditarik oleh sebab-sebab duniawi atau mengharapkan balasan sebagai hasil pengorbanan yang diberikan walau bagaimana besarnya sekalipun. Jelasnya keikhlasan dalam menghulurkan sumbangan itu bukanlah bermakna untuk membalas budi dan budi yang diberi bukan pula untuk minta dibalas.

Sebagaimana sedia dimaklumi bahawa kita iaitu umat Islam adalah sebagai makhluk Allah yang paling mulia di sisi-Nya. Justeru kerana itu sifat-sifat kemanusiaan kita patutlah dirangkaikan dengan kejujuran dan keikhlasan di dalam setiap amal kebajikan serta penuh dengan tekad untuk berkorban semata-mata kerana Allah dan keredaan-Nya.

Sesungguhnya kejujuran dan keikhlasan kita akan bertambah tinggi nilainya apabila didapati yang kita bukan sahaja tidak mengharap balasan duniawi malah juga tidak mengharapkan balasan pahala daripada Allah, lantaran tujuan kita yang sebenarnya hanyalah semata-mata untuk mendapat keampunan daripada Allah. Maka dengan harapan inilah kelak kita akan merasakan bahagia dan gembira bukan merasa rugi dan bimbang, sebagaimana yang di maksudkan oleh firman Allah tadi.

Demikianlah perkara-perkara yang patut kita perhatikan dalam setiap kerja-kerja bakti dan kebajikan kita untuk kepentingan ugama dan masyarakat Islam, iaitulah berlandaskan kejujuran dan keikhlasan. Sesungguhnya akan berbahagialah nanti setiap hamba Allah yang menitikberatkan perintah-perintah-Nya, dan setiap sumbangan bakti itu tetap akan diperolehi hasilnya apabila tiba masanya kelak.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 28 September, 1983 hingga ke hari Selasa 4 Oktober, 1983 adalah seperti di bawah ini :**

| *Hari Bulan* | *Zuhur* | *Asar* | *Maghrib* | *Isyak* | *Imsak* | *Subuh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 28 Sept | 12.18 | 3.35 | 6.21 | 7.33 | 4.36 | 4.51 | 6.08 |
| 29 Sept | 12.18 | 3.35 | 6.21 | 7.33 | 4.36 | 4.51 | 6.08 |
| 30 Sept | 12.18 | 3.35 | 6.21 | 7.33 | 4.36 | 4.51 | 6.08 |
| 1 Okt | 12.16 | 3.33 | 6.17 | 7.31 | 4.35 | 4.50 | 6.07 |
| 2 Okt | 12.16 | 3.33 | 6.17 | 7.31 | 4.35 | 4.50 | 6.07 |
| 3 Okt | 12.16 | 3.33 | 6.17 | 7.31 | 4.35 | 4.50 | 6.07 |
| 4 Okt | 12.16 | 3.33 | 6.17 | 7.31 | 4.35 | 4.50 | 6.07 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu.

Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei di mulai dari pukul 12.45 minit tengah hari.

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



# MELANTIK PENDAFTAR NIKAH KAHWIN ORANG BUKAN ISLAM Siri ke-193

BERKATA Al-Imam An-Nawawi dalam Al-Minhaj serta syarahannya oleh Al-Imam Syirbiniul Khatib dalam Al-Mugni:

Jikalau orang zimmi dan orang Islam menghadapkan perkara nikah dan lain kepada kita yakni Raja Islam atau wakil-wakilnya seperti Kadi dan Hakim Islam, maka wajib di atas Raja Islam dan wakil-wakilnya menghukumkan perkara yang berlaku di antara keduanya (Zimmi dan Muslim) dengan hukum Islam dengan tiada syak lagi padanya sama ada yang menuntut atau yang kena tuntut orang Islam, sebab wajib dihindarkan kezaliman yang terkena ke atas orang Islam, dan orang Islam tiadalah boleh menghadapkan perkaranya kepada hakim ahli Zimmah dan tiadalah boleh dibiarkan keduanya bergaduh dari itu dikembalikan orang Zimmi atau orang Mu'aahad yang ada perkaranya dengan orang Islam kepada hakim Islam, kerana Islam itu tinggi dan tiada yang lebih tinggi daripadanya.

Jikalau dua orang Zimmi menghadapkan perkara yang berlaku di antara keduanya kepada Raja Islam dan kedua-duanya sama Ugamanya seperti kedua-duanya Nasrani atau kedua-duanya Yahudi dan tiada disyaratkan mereka mengikuti hukum-hukum kita orang Islam, maka wajib di atas Raja Islam memberi keputusan atau menghukumkan perkara yang berlaku di antara keduanya menurut Qaulul Azhar dalam Mazhabus Syafiee ialah menurut firman Allah Surah Al-Maidah ayat 49. Tafsirnya: *"Kamu Ya Rasulullah hukumkan di antara mereka orang ahli Kitab dengan hukum-hukum yang telah Allah turunkan ke atas kamu. Dan kerana wajib di atas raja menegah kezaliman yang berlaku ke atas orang-orang zimmi, dari itu wajib dihukumkan perkara yang bermula di antara mereka, sebagaimana wajib dihukumkan perkara-perkara yang berlaku di antara orang-orang Islam."*

Dan apabila keduanya berlainan ugama seperti seorang Yahudi dan seorang Nasrani maka wajib kita menghukumkan di antara mereka kedua, sebab tiap-tiap seorang daripadanya tiada redakan ugama yang seorang lagi.

Dan apabila mereka menghadapkan perkara mereka yakni ahli Zimmah atau orang-orang Zimmi kepada kita, maka kita akui perkara-perkara itu ke atas mereka yakni kita setujukan dan hukumkan jikalau ditakdirkan mereka seolah-olah sudah masuk ugama Islam yakni kita setuju dan hukumkan perkara-perkara itu di antara mereka jika perkara itu bersetuju dengan ugama Islam, dan kita batalkan perkara-perkara yang kita tiada akui ke atas mereka yakni kita tiada setujukan dan tiada hukumkan sebab perkara-perkara itu berlawanan dan salah dalam ugama Islam, dari itu kita hukumkan wajib diberi nafkah dalam perkara nikah apabila nikah mereka kita akui sebab ia bersetuju dengan hukum Islam. Jikalau mereka nikah dengan tiada berwali dan tiada bersaksi dan mereka menghadapkan perkara nikah itu kepada kita maka kita perakukan dan kita hukumkan wajib diberi nafkah pada nikah itu. Jikalau orang Majusi nikah dengan mahramnya dan tiada menghadapkan perkara itu kepada kita, maka kita tiadalah campur pada perkara yang telah berlaku di antara kedua mereka, kerana sahabat-sahabat Radhiallahu Anhu ketahui keadaan orang-orang Majusi bahawa mereka kahwin dengan mahram mereka, dan tiada sahabat-sahabat mengambil tahu perkara nikah yang semacam itu, akan tetapi apabila keduanya menghadapkan perkara keduanya kepada kita dalam perkara nafkah, maka kita batalkan nikah keduanya dan tiada ada nafkah padanya, kerana dengan sebab keduanya menghadapkan perkara keduanya itu kepada kita maka keduanya telah menzahirkan perkara yang salah dalam Islam seperti perkara orang Zimmi menampakkan arak kepada orang ramai.

Jikalau seorang kafir menghadapkan perkara nikahnya dengan dua orang perempuan adik-beradik dan mereka berdua minta hukumkan nafkah bagi keduanya itu, maka kita biarkan mereka, selagi mereka redakan dengan hukum kita dan kita tiada firaqkan (pisahkan) mereka di antara mereka ... suruh kafir ... salah satu da... adik-beradik ... isterinya.

Hakim oran... boleh menikah... seorang Zimm... perempuan ... (Nasrani atau ... yang tiada ... wali khas, deng... saksi dan deng... taan mereka menikahkan ke... (petikan ringkas...

Dari nas ulama... atas ini, maka wa... birkan perkara orang yang berugama Islam ... panduan-panduan atas dan pada ... birkan menurut ... menurut ayat Qu... hendaklah orang diangkat itu orang mengerti hal-ehwal kahwin.

WALLAHU A'AL...

## Mengikuti kursus ukur

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan telah menghantar empat orang Juruteknik Ukur ke United Kingdom bagi mengikuti kursus-kursus di bawah Skim Latihan Dalam Perkhidmatan selama kira-kira dua tahun.

Mereka ialah Awang Asari bin Haji Abd. Manap, Awang Mahadi bin Mohd Tahir dan Awang Haji Murnee bin Abd Rahim akan mengikuti kursus Technical Education Council (TEC) Higher Diploma in Land Surveying and Mapping di North East London Polytechnic.

Sementara seorang lagi iaitu Awang Sahri bin Simba akan mengikuti kursus TEC Diploma in Land Surveying and Cartography di De-Havilland College, Elstree Way, Borehamwood, Hert Fordshire.

Awang Asari, Mahadi dan Haji Murnee adalah bekas penuntut De-Havilland College, di mana mereka telah memperolehi TEC Diploma in Land Surveying and Cartography dalam bulan Julai yang lalu.



Allahyarhamah Hjh Limah bte Pilah



Allahyarhamah Hjh Pasang bte Ahmad



Allahyarhamah Hjh Tengah bte Husin



Allahyarhamah Hjh Ke...



Allahyarhamah Hajjah Dayang Tamid bte Rahman



Allahyarham Haji Daud bin Bundang



Allahyarham Haji Naim bin Apong



Allahyarham Haji Mohd ... Lahap



MAJLIS Ugama Islam pada tanggal 22 September telah memberikan wang bantuan yang berupa wang tambang dan juga wang sagu hati kepada seorang musafir yang berasal dari Angkara, Republik Turki iaitu Awang Hilal Mahmet Mustafa sebanyak $3,515.00.

Wang bantuan tersebut telah disempurnakan penyampaiannya oleh Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Timbalan Yang Dipertua Majlis Ugama Islam, Brunei.(Gambar atas)

## 8 lagi jemaah haji meninggal

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lapan orang lagi jemaah haji Brunei dilaporkan telah meninggal dunia semasa berada di Mekah dan Mina.

Hajjah Limah bte Pilah, 63 tahun meninggal dunia di Mekah pada 14 September lepas. Allahyarham berasal dari Kampung Sengkurong, Brunei. Hajjah Pasang bte Ahmad, 58 tahun juga meninggal di Mekah pada 15 September. Allahyaramah berasal dari Kampung Kilanas, Batu 7 Jalan Tutong.

Hajjah Tengah bte Husin, 86 tahun meninggal pada 18 September di Mina. Allahyarhamah berasal dari Kampung Batu 18, Jalan Tutong. Hajjah Kechi bte Hussin, 76 tahun meninggal di Mina pada 18 September lepas. Allahyarhamah berasal dari Kampung Tanjong Maya, Tutong. Juga meninggal di Mina pada 18 September ialah Hajjah Dayang Tamid bte Rahman, 68 tahun. Allahyarhamah berasal dari Kampung Ujong Kelinik, Bandar Seri Begawan.

Haji Daud bin Bundang, 78 tahun juga meninggal di Mina. Allahyarham... dari Kampung Bak... Tutong. Haji Na... Apong, 78 ... Allahyarham juga m... di Mina pada 19 Se... dan berasal dari ... Sungai Tali. Sem... lagi yang meninggal ialah Haji Mohd ... Lahap, 75 tahun ... September. Allah... berasal dari Kampung Barun, Tutong.

Setakat ini ... orang jemaah haji ... meninggal dunia ... berada di tanah ...

# KHUTBAH HARI RAYA AIDILADHA

# KHUTBAH PERTAMA

## RAHSIA KEMENANGAN ORANG2 ISLAM

yang mesti di- kita mahu ngga tidak oleh sesiapa? mesti dibuat mahu terhormat sehingga tidak oleh sesiapa? yang mesti dibuat mahu supaya kita didengar tidak siapa pun tahnya?

ini wahai min hanyalah orang Islam. lain selain orang itu di luar per- kita orang- ada syarat- tentu untuk kita kepada sesuatu itu. Seorang mengadu kepada s.a.w. bahawa atau musibah menimpa diri dan nya. Nabi kan supaya tingkatkan takwa banyak-banyak mem- wala quata nanti Allah awak jalan Tetapi jika orang sudah nyata begini persoalan- mereka mahu kali cukup banyak angkat senjata-senjata Atau kalau apa jua cara cuba. Tetapi kata ugama begitu, mesti timbangan lurus- boleh kurang tahil, lebih sedekah, dapat Riba' jangan barulah dapat Ah, ini dia per- orang Islam.

orang Islam, mahu maju, mulia, mahu dan disegani. cara-caranya? paling ringkas : kuat-kuat ugama di semua tem- dan masa. masjid saha- masjid pun juga.

### ...RA ISLAM

perhatikan, benar jawapan ini, di zaman dan tabbien, tidak ada suara terpakai, yang dan disegani suara Islam.

yang kecil menakluk mbil hak ke- maka bumi ini. Islam pada tidak ada pilihan tunduk kepada cara-cara mereka sungguh

dalam hal ini, bukan main-main atau pura-pura. Maka kerana itulah, Allah angkatkan kepala mereka menjadi tuan, dan sebaliknya Allah tundukkan kepala yang besar-besar dan degil-degil kepada orang-orang Islam.

Saad bin Abi Waqas, seorang ketua dalam tentera Islam ketika menawan mahligai Kaisar yang tercantik dan terbesar pada masa itu. Ketika beliau masuk dan berjalan-jalan di dalam mahligai itu sambil matanya memerhatikan segala perhiasan-perhiasan yang indah-indah, hatinya teringat, lalu dia membaca ayat 25 hingga 29 Surah Ad-Duhan tafsirannya lebih kurang : *"Sungguh banyak harta benda, kebun-kebun dan mata air yang mereka tinggalkan serta segala kesenangan, kesukaan dan kebesaran yang mereka itu berhibur-hibur dengannya. Begitulah kejadiannya, Kami (Allah) berikan itu kepada suatu kaum yang lain, maksudnya orang-orang Islam."*

Ayat ini, wahai kaum Muslimin, telah dibaca oleh Saad di masa orang-orang Islam menjadi tuan, di masa Kerajaan Farsi yang besar itu lari meninggalkan kebesarannya untuk orang-orang Islam. Ini namanya Allah menundukkan kepala orang lain kepada umat Islam, tetapi bagaimana sekarang? Keadaan itu telah Allah tukar semula akibat derhaka dan dosa orang-orang Islam kepada Khaliqnya, Allah Azza Wajjalla.

### PEGANG KUAT-KUAT

Oleh sebab itu, wahai kaum Muslimin, mohon renungkan benar-benar perkara ini. Hanya dengan cara kembali kepada jiwa Islam tulen, kepada ajaran Islam tulen, kita pegang kuat-kuat, kita amalkan dengan jujur, jangan lepas atau terlepas, maka itulah sahaja satu-satunya cara untuk kita akan kuat dan terhormat. Ingat! Jangan main-mainkan ugama Allah, jangan ketawakan hukum halal haram, kerana dari sinilah orang-orang Islam akan dinilai. Jika lulus mereka dalam penilaian ini, maka ada harapan untuk mereka diterima oleh Allah. Jika Allah sudah menerima kita dan sudi berurusan dengan kita, cakap kita didengar, doa dan permohonan kita diterima, maka itu tandanya umat Islam sudah mulai bangun, sudah mula kembang dan akan menjadi tuan semula insya Allah.

Dari segi apakah orang-orang Islam itu dinilai? Jawabnya : Kebersihan, bersih segala-galanya, bersih makan minumnya, bersih amalannya, bersih hatinya. Mahu bersih makan minum pilih yang halal, tolak yang haram! Mahu bersih amalan, buang sifat-sifat ria' dan niatkan kerana Allah jua, dan mahu bersih hati, musnahkan segala sifat-sifat mazmumah, sifat-sifat yang keji yang dibenci oleh Allah Taala. Barulah ada harapan, jika orang begini jadi ayah, maka ayahlah dia kepada keluarganya yang bersih dan diberkati. Jika orang begini jadi pegawai, maka pegawailah dia kepada kerajaan yang bersih dan diberkati, jika orang begini jadi pemimpin, maka pemimpinlah dia kepada negara yang bersih dan diberkati, menjadi kesayangan umat, kesayangan di langit dan di bumi. Maka jika tidak ada syarat-syarat bersih yang disebutkan ini, jangan mimpi kita akan dapat apa yang kita mahu dari Allah. Sebab adalah terang perkara ini diberitahu oleh Nabi s.a.w. : *"Sesungguhnya Allah itu baik, bersih, dia tidak akan terima kecuali yang baik-baik dan bersih sahaja."*

Oleh itu marilah, wahai kaum Muslimin, di saat yang mubarak ini kita sama-sama berazam memegang teguh ugama Islam, memenuhi syarat-syarat takwa kepada Allah supaya kita diterima dan ditolong-Nya serta ditingkatkan mertabat kita dalam Negara Brunei Darussalam ini pada khususnya. Mudah-mudahan dengan berkat mukjizat Nabi-Nabi dan Rasul-Rasul, berkat wali-wali, orang-orang salih, dan berkat daulat raja kita yang kita kasihi, Negara Brunei Darussalam ini akan menjadi tempat bernaung yang bahagia kepada orang-orang yang beriman.

# KHUTBAH KEDUA

## Jika mahu kuat: Pegang kuat2 ugama Allah

MARILAH kita sama-sama bertakwa kepada Allah dan mengingat banyak-banyak akan nikmat-Nya.

Di saat-saat yang berkat dan berbahagia ini, marilah kita melihat semula sejarah zikir atau takbir yang kita baca pada hari ini kerana di dalamnya ada maksud yang bermakna sebagai menyambut kemenangan umat Islam.

Takbir yang asalnya kita baca hari ini, wahai kaum Muslimin, dikumandangkan oleh Rasulullah s.a.w. semenjak 1400 tahun yang lampau manakala umat Islam menang di dalam suatu peperangan yang dinamakan 'Perang Ahzab' atau 'Perang Bersekutu' pihak-pihak Quraish, Yahudi dan kaum Munafik yang telah sepakat dan bersatu memerangi Rasulullah s.a.w. Bilangan tentera Islam pada masa itu berjumlah hanya 3,000 orang sahaja berbanding dengan jumlah tentera Bersekutu tidak kurang dari 10,000 orang. Mereka ini menjalankan taktik kepung atau tutup jalan perhubungan orang-orang Islam dengan dunia luar dengan tujuan biar orang-orang Islam tersepit dan susah untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan atau keperluan-keperluan makanan dan minuman. Bila ini berlaku, pada congak-congak tentera musuh, sudah tentulah orang-orang Islam itu tidak akan sanggup lagi bertahan, mereka pasti menyerah, pasti mengaku kalah, tunduk kepada pihak bersekutu itu.

### CONGAK-CONGAK

Ya, ramalan dan congak-congak mereka ini hampir-hampir betul semuanya. Hampir orang-orang Islam kalah. Kepungan pihak bersekutu musuh memang benar-benar berkesan, berjaya melumpuhkan orang-orang Islam di dalam Kota Madinah. Bahkan Rasulullah s.a.w. sendiri telah terpaksa mengikat perut Baginda dengan berlapikkan batu disebabkan oleh kerana terlalu lapar akibat dari tidak ada apa-apa yang hendak dimakan.

Bayangkanlah wahai kaum Muslimin! Peribadi apakah menjelma pada Rasulullah, peribadi apakah yang ada pada tiap-tiap diri umat Islam ketika itu sehingga sudah sampai begitu pun mereka masih teguh, tahan, boleh sabar, boleh tidak terburu-buru mengaku kalah, minta dikasihi oleh musuh? Padahal yang ada pada mereka masa itu hanyalah rangka-rangka bernyawa. Tetapi namun menyerah tidak! Tunduk juga tidak! Kerana apa? Kerana iman! Perut mereka, ya lapar kerana mereka tidak atau kurang makan tetapi jiwa dan hati mereka kenyang, kenyang dengan iman. Hati dan jiwa mereka tumpat, tumpat dengan keyakinan bahawa 'Kalimatul Haqqi Hiyal 'ulya', kalimah Islam, kalimah 'Lailahaillallah, Muhammadu Rasulullah' itu hak lagi benar. Dialah yang tertinggi. Tunduk kepala orang Islam kepada kufur bermakna mencuaikan amanah Allah, mengkhianati Allah Taala. Kerana itu selagi mereka tidak punah dengan kehendak Allah maka selama itulah mereka akan tahan sabar sambil membuat kebaktian kepada Allah Taala.

*"Bahawa orang-orang yang dikasihi Allah itu, mereka tidak takut dan tidak berdukacita."* Mereka tahu bahawa mereka sedang diuji oleh Allah Taala dan mereka percaya bahawa Allah itu tidak tidur atau lupa tetapi tahu dan melihat. Jika mereka susah, mereka tahu yang Allah yang lagi tahu bahawa mereka itu susah. Jika mereka tidak makan, mereka tahu yang Allah lagi tahu bahawa mereka itu tidak makan. Jadi jika demikian halnya, apa pula yang hendak dirunsingkan?.

### TIDAK GENTAR

Itulah pegangan wali-wali Allah, inilah pegangan Nabi-Nabi, inilah pegangan orang-orang salih, inilah pegangan orang-orang yang beriman, yang menyebabkan mereka itu tidak gentar dan tidak mengeluh dengan kesusahan-kesusahan yang menimpa mereka. Reaksi mereka, mereka tidak kesal atau resah gelisah, tetapi apa yang ada pada mereka, senjata mereka ialah ikhtiar, doa dan meningkatkan rasa takwa serta tawakal yang berpanjangan kepada Allah Subhanahu Wa Taala.

Inilah dia yang membawa tentera-tentera Islam yang berjumlah 3,000 orang itu akhirnya diterima oleh Allah, doa dan ketaatan mereka dengan memberinya pertolongan yang besar melalui bala tentera Allah yang didatangkan dari langit dan bumi, yang tidak dapat dilihat sebagaimana yang disebutkan dalam Al-Quran : *"Bagi Allah itu bala tentera yang amat kuat yang ada pada tujuh petala langit dan tujuh petala bumi."* Pertolongan yang tidak dicongak dan diduga oleh orang-orang kafir inilah yang akhirnya telah menyapu bersih 10,000 orang tentera bersekutu Musyrikin yang sedang mengepung orang-orang Islam sehingga bertempiaran lari dan ada juga yang mati diterbangkan oleh ribut kencang dan tentera-tentera ghaib Allah Taala yang tidak dapat dilihat. Hal ini dirakam dengan terangnya oleh Allah di dalam Surah Al-Azhab ayat 9 yang tafsirnya :

*"Wahai orang-orang yang beriman, ingatlah kurnia Allah ke atas kamu yakni ketika bala tentera musuh datang mengepung atau menyerang kamu, lalu Kami (Allah) kirim kepada mereka itu angin yang kencang dan bala tentera yang tidak kamu nampak. Bahawa Allah itu melihat dan memerhati dengan terangnya apa-apa yang kamu kerjakan."*

Allahu Akbar! Dan menyambut kemenangan inilah Rasulullah s.a.w. mengajak orang-orang Islam ketika itu mengucapkan takbir dan puji-pujian kepada Allah yang telah memberikan kemenangan 'total' kepada Islam dan umat Islam berkat kesabaran, keimanan dan ketakwaan.

## Pejabat pos Muara

MUARA. — Penduduk-penduduk di sekitar Pekan Muara akan mempunyai sebuah pejabat pos baru yang menelan belanja kira-kira $ 423,000 bagi menggantikan pejabat pos sementara. Ianya terletak suku batu dari Pekan Muara yang berhadapan dengan Balai Bomba Muara.

Kerja-kerja pembinaannya telah bermula awal bulan ini yang memakan masa selama sembilan bulan. Ianya dijangka siap pada pertengahan tahun depan. Pembinaannya dikendalikan oleh sebuah perusahaan bumiputera 'Syarikat Mekar'.

Satu majlis pemasangan batu asas bagi pejabat pos baru telah disempurnakan oleh Ketua Pos Agung, Pg Dato Paduka Haji Jaludin bin Pg Mohd Limbang pada hari Sabtu lepas.

Doa selamat telah dibacakan oleh Ustaz Awang Jawawi bin Haji Taib.

Hadir sama ialah pegawai-pegawai dari Pejabat Pos dan Jabatan Kerja Raya.



KETUA Pos Agung, Pg Dato Paduka Haji Jaludin bin Pg Mohd Limbang ketika merasmikan pemasangan batu asas bagi pejabat pos baru Muara.

# SENILAKON BOLEH MEMIMPIN DAN MENDIDIK ORANG RAMAI

OLEH: ABDUL KARIM HAB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Senilakon boleh dijadikan alat untuk memimpin dan mendidik orang ramai. Sejarah telah membuktikan bahawa 500 tahun sebelum Masihi drama di Yunani telah dijadikan media untuk menyampaikan berbagai 'message' atau perutusan.

Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibul Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bersabda demikian sejurus sebelum merasmikan Majlis Penutup Bengkel Senilakon dan Filem anjuran RUSILA NEGARA di Balai Pameran DBP petang Selasa minggu lepas.

Y.A.M. seterusnya menyarankan agar drama dan senilakon serta bidang seni yang lain dapat dijadikan media untuk menyalurkan unsur-unsur pendidikan, membangun fikiran, membina akhlak dan peribadi sebagai cermin masyarakat.

Jika ini berhasil ia adalah merupakan suatu sumbangan yang bukan kecil ertinya kepada pembentukan masyarakat Brunei, sabda Y.A.M.

"Adalah disedari bahawa drama melalui televisyen paling dekat dengan penontonnya, dan adalah diharapkan supaya drama-drama di Televisyen Brunei akan dapat membawa persoalan-persoalan yang serius, yang bukan hanya bersifat sebagai menghibur tetapi lebih utama ialah drama itu dijadikan sebagai alat penyalur unsur-unsur pendidikan, mempertajamkan pemikiran, dan memberikan contoh tauladan yang baik, yang tidak bertentangan dengan tatasusila, adat istiadat, dan amalan masyarakat Brunei yang menjunjung tinggi kesucian ugama Islam," jelas Yang Amat Mulia.

Menyentuh dengan bengkel yang dijalankan selama 5 hari itu, Yang Amat Mulia menyatakan ia adalah merupakan suatu langkah positif untuk membimbing dan meninggikan taraf dan nilai senilakon pelakon-pelakon di negara ini.

Bimbingan dan latihan seumpama itu dipercayai bukan saja akan memberi manfaat kepada mereka malah juga kepada masyarakat umum di negara ini.

Menurut Yang Amat Mulia lagi, kursus 'Tertib Adat Istiadat Brunei' yang diberikan dalam bengkel itu adalah sangat penting, khasnya bagi pelakon-pelakon yang bercita-cita ingin menggambarkan dan menghayati suasana keBruneian di dalam drama, di pentas, di TV mahupun di filem kerana adat istiadat Brunei merupakan salah satu daripada kebanggaan kita rakyat Brunei.

Terdahulu dari itu, Ketua Utama RUSILA NEGARA, Awang Haji Abd. Wahab bin Mohammad telah juga menyampaikan ucapan.

Seramai lebih dari 130 orang belia-belia telah menyertai bengkel yang dikendalikan oleh empat orang penceramah dari dalam dan luar negeri itu.

Di antara yang hadir di majlis itu ialah Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka; Pemangku Timbalan Pengarah Radio Televisyen Brunei; penceramah undangan dan jemputan-jemputan khas.



Y.A.M. Pengiran Lela Cheteria Sahibun ... Abdul Aziz.



Y.A.M. sedang menyampaikan sijil kepada seorang peserta.

## Peperiksaan kelayakan

TUTONG. — Persatuan Pengadil-pengadil Bolasepak Negara Brunei cawangan Tutong akan mengadakan peperiksaan bagi kelayakan pengadil kelas tiga.

Peperiksaan tersebut akan bermula pada 25 September, 1983, jam 2 petang bertempat di Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim Tutong.

Pengerusi Pengadil Bolasepak cawangan Tutong dengan itu mempelawa pengadil-pengadil bolasepak di seluruh negara yang belum lagi lulus, dan juga mereka-mereka yang berminat untuk mengikuti adalah dipersilakan datang.

# Badan Kebajikan Penerangan a... sambutan Aidiladha

BANDAR SERI BEGAWAN. — Badan Kebajikan dan Sukan Bahagian Penerangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan telah menganjurkan sambutan Hari Raya Aidiladha, bertempat di bangunan Dewan Kuliah Peringatan Churchill di sini pada malam Isnin lepas.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh pengerusi majlis, Awang Haji Sulaiman bin Haji Abd. Wahab dan diikuti oleh ucapan ringkas dari Pengarah Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman.

Sebuah syarahan khas telah disampaikan oleh tetamu kehormat, Y.D.M. Pehin Udana Khatib Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abd. Aziz bin Juned, Pemangku Kadi Besar Brunei.

Sempena majlis tersebut satu peraduan mendeklamasikan sajak yang terbuka kepada kakitangan Bahagian Penerangan dan peraduan syarahan terbuka kepada anak-anak kakitangan jabatan tersebut telah diadakan.

Pemenang pertama dalam peraduan mendeklamasikan sajak disandang oleh Awang Salleh bin Haji Mat Yassin, kedua Awang Salleh bin Ibrahim dan tempat ketiga jatuh kepada Awang Majid bin Ibrahim.

Manakala dalam bahagian syarahan kanak-kanak ... dimenang... Nabil De... Badaruddin ... kedua D... Deraina b... din.

Hadiah-... disampaikan ... Pehin Udana ... Seri Laila Ja... Abd. Aziz bi...

Di akhir ... selamat tel... oleh M... Hamidon ... Pehin Siraja ... Abd. Hamid...

## Ceramah penyalahgunaan ...

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bahagian Perpustakaan Perkhidmatan Muda-Mudi Dewan Bahasa dan Pustaka telah mengadakan satu majlis ceramah mengenai penyalahgunaan dadah atau bahaya-bahaya menggunakan dadah bertempat di Balai Pameran jabatan tersebut pada pagi Selasa 20 September lepas.

Ceramah ... paikan oleh ... Intan be... seorang ... Cawangan J... jabat Polis G...

Kira-kira ... mudi dan ... pegawai-pe... pustakaan te... majlis tersebut.

# D.Y.M.M. PADUKA SERI BAGINDA RAJA ISTERI RASMI PERTUNJUKAN BUNGA DAN ORKID



…M. Paduka Seri Baginda Raja Isteri sedang dijunjung oleh Pengerusi Pertunjukan Dayang Hajjah Marhani … menyaksikan bahagian bunga-bunga orkid. (Bawah) Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Ra- … menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang dalam pertunjukan tersebut.



Gambar-gambar: Haji Sarbini



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha minggu lalu telah berangkat merasmikan pertunjukan bunga-bunga hidup dan orkid yang dianjurkan oleh Pertubuhan Perkumpulan W.I Brunei.

Keberangkatan tiba Baginda telah dialu-alukan oleh Pengerusi Pertunjukan Dayang Hajjah Marhani bte Abdul Latif.

Selesai merasmikan pertunjukan tersebut Baginda telah dijunjung oleh pengerusi pertunjukan untuk menyaksikan berbagai jenis bunga yang terdapat dalam pertunjukan tersebut.

Baginda juga telah berkenan mencabut tiket bertuah serta menyampaikan tiket tersebut yang disumbangkan oleh Syarikat Penerbangan Diraja, Brunei bagi tiket percuma ke Bangkok.

Turut berangkat ke upacara itu ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah, Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna, Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Norain dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Ruhaizah.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri sedang dijunjung menyaksikan bahagain pertunjukan gubahan bunga-bunga hidup (atas dan bawah). Kelihatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Norain dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Ruhaizah yang berangkat sama ke pertunjukan tersebut sedang memerhati bunga-bungaan yang sedang dipertunjukkan (gambar kanan). Juga kelihatan ialah Yang Dimuliakan Dayang-Dayang Diraja Datin Seri Utama Hajjah Rosnah, isteri Yang Teramat Berhormat Penasihat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia.





# Y.T.M. PENGIRAN ISTERI HAJJAH MARIAM RAI LEBIH 200 ANAK-ANAK YATIM DAN ORANG CACAT

SEMPENA Hari Raya Aidiladha baru-baru ini Y.T.M Pengiran Isteri Hajjah Mariam bte Haji Abdul Aziz telah meraikan seramai lebih 200 orang anak-anak yatim dan orang-orang cacat di daerah Brunei dan Muara di majlis jamuan makan tengah hari di Istana Darul Aman, Pekan, Muara.

Anak-anak yatim tersebut kemudiannya berkesempatan ziarah kepada Y.T.M Pengiran Isteri Hajjah Mariam dan lain-lain kerabat Diraja.

Mereka juga telah diberikan hadiah-hadiah hari raya yang disampaikan oleh Y.A.M Pengiran Anak Abd. Wadood.

Berangkat sama ke majlis tersebut ialah Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam, Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Nasibah dan putera puteri kerabat Diraja yang lain.

Gambar-gambar: Ak Abu Bakar



DI ATAS kelihatan salah seorang dari anak yatim sedang ziarah kepada Y.T.M. manakala gambar bawah mereka sedang beratur [illegible] masing-masing untuk ziarah.





SAMA-SAMA meraikan anak-anak yatim tersebut ialah lain-lain kerabat Diraja.



SEBAHAGIAN lagi yang menunggu giliran untuk ziarah.



MEREKA juga dijamu makan tengah hari.

# ...mpena pembukaan rasmi Stadium Negara Hassanal Bolkiah



BUMBUNG yang direkabentuk dengan begitu menarik dan unik serta melambangkan ciri-ciri keBruneian menambah keindahan stadium tersebut

# RAKYAT SAMA2 MEMBANGUNKANNYA

...N megahnya ...tersergamlah ...dium negara ... yang mana ... dari perun- ...dikumpulkan ... dan penduduk ... yang sedikit ...telah mendapat ...ang meluas un- ...sama mem-...

... Negara ... Bolkiah, ... nama yang ... ke atasnya, ...kira-kira empat ... ibu negara ...pada mulanya ... hanya untuk ... dengan reka- ... yang boleh ... 15,000 orang ...sahaja, tetapi ...tersebut kemu- ... memerlukan ... ke arah ...kannya bagi ... beberapa ... seperti ... letak kereta ...han lain yang ...tan dengan ...beri keselesaan ... pihak.

...ah kerja-kerja ...pada 1979, reka- ...stadium tersebut ... penyelidikan ... perubahan ...rekabentuk yang ...sar dan unik ... menampung ...penonton seperti ...ada sekarang ...

... apa yang ...atkan, perun- ...naan stadium ... itu telah ...kan pem- ... diung- ... bersama oleh ... penduduk ... sumbangan- ... derma mereka ...nya ditampung ... Selama tiga ...pengutipan derma ... telah men- ...tan baik dari ... rakyat dan ... yang turut merasakan tanggungjawab kepada negaranya.

Setelah pengutipan derma ditutup pada 29 Februari 1976, kutipan derma telah berjumlah seperti berikut: Daerah Brunei dan Muara sebanyak $501,403,24; Belait $192,413.59; Tutong $24,077.50 dan Temburong $1,643,00.

Bagaimanapun derma-derma tersebut masih berjalan kepada 'Tabung Pembinaan Stadium' dan bila ianya dikeluarkan dari simpanan pada 31 Mac tahun ini derma tersebut berjumlah $1,102,761.57 dan telah diserahkan kepada kerajaan.

Walaupun rekabentuk awal terpaksa diubahsuai kepada skop yang lebih besar, kerja-kerja awalnya terus berjalan sejak 1976 hingga termasuk dalam kerja-kerja yang berhubung dengan penilaian tanah, pengkajian dan pengukuran tapak stadium tersebut dan seterusnya pada meratakannya.

Setelah semua kerja-kerja dalam membisaikan tapak tersebut selesai, kerja-kerja membuat padang dan longkang dan parit serta asas (foundation) bagi trek berlari dimulakan.

Dalam bulan September 1979 setelah skop baru stadium diluluskan kerja-kerja lanjutan bermula termasuk piling dan substruktur dimulakan dalam bulan Jun 1980 dan berakhir dalam bulan November tahun itu juga.

Kerja-kerja peringkat lanjutan bagi superstruktur stadium melibatkan enam syarikat pemborong terbesar dan dimulakan dalam bulan Januari 1981.

Pengendalian kerja-kerja super-struktur ini bukan hanya melibatkan enam buah kontraktor besar tapi juga sebanyak 13 buah kontraktor kecil juga diperlukan sehingga selesainya stadium negara tersebut.

Enam buah syarikat besar itu adalah dipertanggungjawabkan bagi melaksanakan kerja-kerja raksaksa dengan skop atau rekabentuk yang baru dan 13 buah pemborong kecil adalah bagi menjalankan pemasangan letrik, kemudahan jentera hawa dingin, sistem suara dan kerja-kerja peringkat akhir memasang kerusi dan meja.

Proses perlaksanaan stadium ini dari awal lagi telah berjalan dengan lancar dan selesai dalam tempoh yang dihadkan.

Kebanggaan yang bakal dirasakan setelah siapnya stadium negara itu sebolehnya akan menjadi kemegahan negara dan pemerhatian yang begitu mendalam dari pihak kerajaan bagi perlaksanaan diperinci dari awal lagi.

Sebab itulah sebelum penetapan bagi memulakan rangka pelan induk dan kerja-kerja yang bersangkutan dengannya terutama dalam membuat 'grandstand' atau pentas khas, padang dan trek, negara kita amat perlu untuk mengambil contoh dari negara luar sebagai perbandingannya.

Dengan tujuan untuk menyelidik, melihat dan mempelajari rupa bentuk stadium negara jiran maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memperkenankan satu rom-

Lihat muka 14



... Negara ini juga dilengkapkan dengan tempat ... bagi perjumpaan sukan-sukan yang besar.






PAPAN jaringan komputer yang bernilai $4.2 juta adalah antara yang terbaik di rantau ini dan mengandungi 22 ribu lampu.



Dewan Kuliah

BILIK kuliah yang dapat memuatkan sehingga 240 orang juga merupakan bilik wayang gambar dan kegunaan majlis seminar dan taklimat.

# PEMBUK
# STADIU
# HASSAN



KEBERANGKATAN tiba Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah dialu-alukan oleh YAB Pemangku Menteri Besar, dan ahli-ahli Jawatankuasa Perasmian Stadium.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berbual sesuatu dengan salah seorang anggota pasukan Sheffield United sebaik-baik saja Baginda dijunjung untuk diperkenalkan

Gambar kanan :
SEBAHAGIAN dari puluhan ribu penonton yang membanjiri stadium di istiadat perasmian itu, di mana kelihatan juga gambar wajah Kebawah Duli Yang Maha Mulia ketika bertitah merasmikan yang ditayangkan terus ke Papan Mata Videomatrix Omega yang berharga $4.2 juta yang melengkapi peralatan stadium itu dapat menarik perhatian penonton.






PASUKAN-PASUKAN pancaragam sekolah-sekolah yang mengambil bahagian memeriahkan acara perasmian tersebut ketika masuk ke stadium untuk berjalan lalu di hadapan hadirin.



PEMANDANGAN dari udara bagi keseluruhan bentuk luar stadium ini dirakamkan ... mengambil bahagian membentukkan angka 23.9.83 yang menandakan tarikh pemb...

# ...SMI ...RA ...KIAH

...: Muhaimin Hj. ...mmad, Abd. ... Hj. Abu Bakar ... Ismail.

...-gambar : Hj. ... Taha, Ak. Abu ... Pg. Othman dan ... PBPMHH.



PARA penonton yang berjumlah puluhan ribu orang penuh sesak menumpatkan ruang duduk yang ada di stadium tersebut menyaksikan barisan para pasukan yang mengambil bahagian yang berdiri di hadapan pentas khas.



GAMBAR atas, anggota payung terjun Cawangan Udara AMDB yang memperlihatkan keperwiraan mereka sedang membuat aksi di udara betul-betul di angkasa stadium yang akhirnya mereka berjaya mendarat di tengah padang stadium begitu menarik perhatian dan kekaguman para penonton (gambar bawah).



KANAK-KANAK sekolah yang terpilih ini begitu gembira sekali kerana dapat menyumbangkan tenaga mereka untuk memeriahkan istiadat perasmian itu dalam acara melepaskan ribuan belon.





...pasukan yang



PASUKAN pancaragam sekolah yang terdiri dari penuntut-penuntut perempuan ini turut menyembahkan permainan mereka di istiadat itu. Mereka terdiri dari Pasukan Pancaragam Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri.

# Sempena pembukaan rasmi Stadium Negara Hassanal Bolki

## Akan menjadi kebanggaan negara

Dari muka 11

bongan ke Singapura pada 18 November 1974 bagi mempelajari selok-belok pembangunan dan perjalanan pengelolaan stadium negara tersebut.

Selain daripada ditapakkan di atas tanah seluas 70 ekar di Kampung Pulaie, projek stadium ini juga telah diperuntukkan bagi adanya perkampungan olimpik, padang-padang permainan untuk berbagai jenis sukan.

Bagaimanapun kemudahan-kemudahan tersebut akan bergantung dan diselaraskan dari semasa ke semasa dan sebagai permulaannya dan menepati keutamaannya maka stadium yang ada sekarang adalah salah satu daripadanya.

Stadium Negara Hassanal Bolkiah yang menelan belanja kira-kira B$100 juta ini direkabentuk dengan indah dan unik sekali dengan tidak sama sekali membelakangkan ciri-ciri keBruneian.

Di bina dengan berbentuk bujur setinggi empat tingkat, panjang ukurannya ialah 850 kaki dan lebarnya 632 kaki dan terdapat sebuah bilik pentadbiran, sebuah panggung wayang yang dapat menampung 240 orang penonton serta bilik ini juga dapat dipergunakan untuk majlis seminar dan taklimat.

Stadium negara ini juga diperlengkapkan dengan bilik persidangan yang boleh memuatkan sehingga 120 orang peserta, sebuah restoran, dewan gerak badan, pusat perubatan, tiga buah gelanggang squash dan bilik latihan.

Di hadapan bangunan ini telah disediakan beberapa batang bendera yang melambangkan negara-negara yang menyertai satu-satu kejohanan antarabangsa.

Untuk kemudahan orang ramai yang berkunjung ke stadium ini telah disediakan letak kereta yang dapat menampung lebih 3,000 buah kenderaan dan kemudahan letak kereta ini akan ditambah jika keperluan meningkat.

Berseberangan dengan tempat duduk bagi kerabat-kerabat Diraja serta orang kenamaan ialah tempat menyalakan obor sukan terbesar.

Bagi acara-acara trek nanti sama ada tempatan atau antarabangsa stadium ini telah mempersiapkan diri dengan tempat trek yang terbaik yang berharga $2 juta berukuran 400 meter dengan lapan lorong lumba.

Kemudahan-kemudahan yang moden sentiasa diperlengkapkan di stadium ini termasuk papan jaringan komputer yang bernilai empat juta ringgit dan mengandungi lebih 22 ribu biji lampu dan mengawal keseluruhan sistem suara.

Terdapat dua buah papan penunjuk bagi kegunaan tulisan jawi dan satu lagi bagi bahasa Melayu dan Inggeris. 'Score Board' atau papan jaringan ini juga mempunyai unit video yang dapat menayangkan sesuatu tayangan melalui kamera atau tape video.

Alat ini dihubungkan terus pada alat pencatat masa dan bilik gambar biasa dan dari kamera di stadium ini, akan mampu menggambar secara tepat kedudukan pertandingan yang dipertikaikan bagi membolehkan hakim membuat keputusan secara tepat dan mendadak.

Keseluruhannya stadium negara dibekalkan dengan enam kedudukan kamera bagi stesen televisyen untuk siaran secara langsung. Manakala bagi penayangan satu-satu acara terdapat empat unit penayang yang kesemuanya boleh mempamerkan tulisan jawi dan rumi (Melayu dan Inggeris).

Di samping mengikuti acara-acara di waktu siang, stadium ini juga dilengkapkan bagi mengendalikan acara di sebelah malam dengan adanya empat menara lampu yang mencapai taraf 1600 lux terangnya dengan tujuh peringkat cahaya bergantung kepada acara yang dipertandingkan.

Keseluruhan lampu ini dikawal dengan menekan satu punat saja yang terdapat di bilik kawalan papan tanda.

Penjagaan rapi bagi kawalan stadium ini begitu dititikberatkan bukan hanya setakat mengawal kemudahan-kemudahan yang ada tetapi kepentingan mengawalnya dari kebakaran juga ditekankan.

Dengan sistem kecemasan kebakaran yang bernilai $600,000.00 keseluruhan bangunan stadium dikawal oleh alat pengesan dan pencegah kebakaran.

Di setiap sudut dipasangkan alat pengesan asap yang sensitif yang dihubungkan terus pada kawalan kecil di tiap-tiap tingkat.

Jika terdapat bahang panas atau asap, alat ini dengan sendirinya menghantar satu isyarat untuk tindakan selanjutnya, dan loceng kebakaran akan berbunyi sambil menghantar amaran ke bilik kawalan utama untuk hubungan ke balai bomba.

Penal amaran api ini dihubungkan terus ke bilik pengumuman untuk tindakan juruhebah...

Dalam perj... sukan yang ber... tarabangsa adal... membekalkan de... sistem suara yang... tinggi, untuk itu... ini mempunyai... kawalan suara... berharga hamp... juta.

Terdapat 12 b... pembesar suara ya... bergerak telah di... bagi dipindah da... tempat ke temp... lain dan alat pe... suara ini difahamk... terbaik di rantau...

Semoga dengan... stadium yang m... kebanggaan rakyat... penduduk negara... terus dapat mel... peranan Negara... Darussalam ke an... tarabangsa yang b... ja setakat peraya... perjumpaan yang... tetapi juga yang... ialah pendedah... dalam peringkat... yang bertaraf... tarabangsa.



TEMPAT kawalan suara yang berharga hampir $1.7 juta dengan alat-alat yang sofistikated bagi kelengkapan suara dan seb...



BILIK kawalan papan jaringan yang dilengkapi dengan unit video dan kamera.



PINTU masuk utama ke stadium terletak di belakang pentas khas.



GELANGGANG squash juga salah satu gelanggang ... sukan dalam yang disediakan di stadium tersebut.

# RTB Intisari minggu ini

## ...Minggu ini:

# ...ENINJAU FIKIRAN AWDA ...K CADANGAN MEMBINA

... kehendak dan ke... di mana kita seka... satu proses pem..., maka kita perlu ... langkah kita, demi ...daran zaman, lebih-le... menikmati kemerde... juga halnya dengan ...pendengar radio, setiap ... kami aturkan di udara, ...anya menepati kehen...dengar, bukan semua ...angan kami, diterima ...dengar, dengan penuh ...rnya.

...pama ini sudah pernah ..., dan mungkin sudah ... kami hadapkan kepada ... kami.

... kami juga sudah merasa ... keadaan rancangan-... selama ini? Adakah ... itulah saja yang dapat ... untuk para pendengar ... yang kami sanggup? ...endiri yang memberikan ... dan jawapan kami itu ... mengakui, bahawa ... kami setiap hari, ... dan setiap stesen kami ... masih mengakui baha... rancangan-rancangan kami ... yang kurang, masih ... perlu ditambah. Ini ... dan kami tidak menafi...

... kehausan daya berfikir ... satu atau beberapa ... baru? Jawapanya ... Kami sentiasa berfikir, ... bagaimana kami harus ... mengusahakan ranca... kami. Ini selalu difikirkan. Sebaliknya apakah nanti, apa yang kami hidangkan itu akan mendapat sambutan dari para pendengar? Inilah satu persoalan yang kami sendiri tidak dapat memberikan jawapannya.

Kami sering kali berkata, bahawa kami sentiasa menerima segala syor atau teguran yang membina terhadap rancangan-rancangan kami. Sebab Radio adalah untuk masyarakat dan masyarakat adalah untuk radio. Barangkali ada orang tidak sependapat dengan kata-kata kami ini, itu terpulanglah . . . .

Apa yang kami ingin utarakan di sini, sebenarnya adalah meminta fikiran awda, kami sedia menerima pandangan dan pendapat awda tentang rancangan-rancangan radio kami, berilah kerjasama dengan kami, apa yang harus kami buat, dan tunjukkanlah kepada kami, apakah jalan yang baik yang harus kami tuju untuk membaiki segala rancangan kami. Di sinilah kesempatan awda untuk membina rancangan-rancangan radio kami. Kami harapkan cadangan dari awda yang sungguh-sungguh membina. Itulah kami katakan tadi, radio untuk masyarakat, dan masyarakat adalah untuk radio. Tanpa kerjasama awda, dan teguran dari awda, keadaan kami mungkin tidak banyak perubahannya.

Oleh yang demikian, berikanlah kerjasa awda, supaya kami dapat memikirkannya, mana cadangan yang elok, yang membina untuk faedah kita bersama.

Kami berjanji segala cadangan-cadangan awda itu, yang difikirkan berfaedah untuk para pendengar, akan kami laksanakan sedapat daya kami.

# MENITI JURANG DI AKHIR KEINSAFAN

SANDIWARA Radio Minggu Ini berjodol MENITI JURANG DI AKHIR KEINSAFAN tulisan Ena Hairizan, Brunei.

Penulis cuba mengetengahkan tentang harapan bagi seorang pesakit lumpuh. Yang menjadi tandatanya ialah, apakah seorang pengidap lumpuh itu boleh sembuh kembali dan dapat hidup seperti orang lain? Masalah inilah yang dialami oleh Azman, watak utama dalam sandiwara ini.

Azman yang bertunangan dengan Mariah menga... alami sakit lumpuh setelah mendapat kemalangan. Pada mulanya, Mariah yang walaupun merasa sedih atas kejadian yang menimpa tunangnya, tetap terus setia walau bagaimana sekalipun keadaan Azman.

Apa yang menyedihkan ialah bila ibu Mariah campurtangan dalam hal itu. Pertunangan anaknya dengan Azman sudah tidak direstui lagi. Hinggalah pada satu hari ibu Mariah merancangkan pertemuan Mariah dengan Ramli bekas teman lamanya.

Setelah pertemuan itulah, perasaan Mariah terdorong untuk memutuskan pertunangannya dengan Azman. Segala nasihat Edah, teman karibnya sudah tidak diindahkan lagi. Sementara Azman pula telah menerima berita baik yang berkaitan dengan rawatannya.

Apakah reaksi Azman tentang keputusan Mariah itu? Bagaimana pula hubungan Mariah dengan Ramli setelah bebas dari ikatan pertunangannya? Akan bahagiakah ia atau bagaimana? Untuk mengetahui kisah sepenuhnya, silalah para pendengar mengikuti siarannya pada 2 Oktober, 1983 jam 10.30 pagi.

Rancangan ini adalah terbitan Dk. Maskupah Pg. Tajuddin.

10.29 Allan Pemurakan Sultan.

air, 11.30 — Berbalas Pantun.

**TENGAH HARI:** 12.00 — Tahniah dan ucap Selamat, 1.00 — Permintaan Hari Minggu.

**PETANG:** 2.00 — Serbanika Hiburan, 2.30 — Pesta Pop Minggu Ini, 3.15 — Panduan Sukan, 3.20 — Irama Gembira, 3.30 — Titian Budaya, 3.45 — Majalah Sukan, 4.15 — Hiburan Petang Minggu, 4.30 — Bujang Si Gandam, 5.00 — Tetamu Radio, 5.45— Hiburan Senja.

**MALAM:** 7.00 — Seni Dan Sastera, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Suara Perajurit, 9.00 — Hiburan/Puspasari (SU), 9.30 — Di Buang Sayang.

### HARI ISNIN 3 OKTOBER

**PAGI:** 8.30 — Menyusur Pendalaman, 9.00— Wanita dan Lagu, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Berdendang Denganku, 10.30 — Permintaan Sukaramai, 11.30 — Pertanian.

**TENGAH HARI:** 1.30 — Dari Pendengar Untuk Pendengar.

**PETANG:** 2.00 — Lukisan Masyarakat (SU), 2.30 — Mari Berpantun, 3.15—Pilihan Juruhebah, 3.30 — Mingguan Pelajar, 4.00 — Dendang Remaja, 4.30 — Ruangan Kitani,

4.45 — Ram... wakili Zam... 5.45 — Kuli...

**MALAM:** 7.0... — Hiburan ... usahaan, ... 9.30 — Kutu...

H... 4...

**PAGI:** 8.30 — Dendang Pendengar, Dangdut, 1C... Lagu-lagu 11.15 — Da... Senandung

**TENGAH HA...** Ria.

**PETANG:** 2.... 3.15 — Gem... (SU), 4.0... rama, 4.30 - Varia Peristi... — Hiburan ...

**MALAM:** 7.00 7.15 — Selinga... Sukaramai, (SU), 9.30 —



RANCANGAN Dari Pendengar Untuk Pendengar bersama awda lagi minggu ini. Peserta kita kali ini ialah Dayang Rosini bte Marsal di alamat No. 30 Kampung Telisai, Tutong, Brunei. Rancangan ini akan ...e udara pada hari Isnin ... Oktober jam 1.30 tengah hari.

ROGRAMME ENGLISH SEC...

# Pertandingan akhir Bintang Aslirama 1983



PERTANDINGAN Akhir Bintang Aslirama 1983 akan disiarkan terus-menerus dari Dewan Raya RTB pada hari Ahad, 2 Oktober, 1983 mulai jam 8.30 malam. Seramai 8 peserta akan bertanding di acara kemuncak itu.

Mereka yang terpilih itu ialah: Zulkifli, Tengah, Salmaya Hj. Mohd. Hussain, Shamsuddin Idris, Norsiah A. Hamid, Md. Alinordin Md. Zain, Siti Mariam Yusof, Hamidoon Hj. Metussin dan Norsiah Abd. Gapar.

Di samping itu, penyanyi veteran dari Malaysia, KAMARIAH NOOR juga diundang khas untuk turut menjayakan dan memeriahkan acara kemuncak itu. Penari-penari RTB juga tidak ketinggalan untuk sama mempersembahkan tarian-tarian mereka.

Kepada peminat-peminat seni suara dan orang ramai yang ingin menyaksikan pertandingan tersebut, bolehlah mendapatkan tiket-tiket percuma di RTB pada waktu pejabat dibuka. Rancangan ini ditaja oleh Brunei Shell Petroleum.

Jangan lupa datanglah beramai-ramai untuk menyaksikan Pertandingan Kemuncak Bintang Aslirama 1983 pada hari Ahad, 2 Oktober 1983 mulai jam 8.30 malam siaran langsung dari Dewan Raya RTB.

...ah Noor



Hamidon



Salmaya



...Abd Gapar



Norsiah Hamid



Zulkifli



Siti Mariam



Md. Alinordin



Shamsuddin

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU 28 SEPTEMBER

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 GIGGLESNORT HOTEL
5.30 WOODY WOODPECKER
6.00 BERITA AWAL
6.05 MAMA MALONE
6.21 AZAN MAGHRIB
6.31 321 CONTACT: "Light Dark Wednesday"

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HART TO HART: "PoundingHarts"
7.33 AZAN ISYAK
7.38 HART TO HART — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 THREE'S COMPANY
9.35 MAGNUM: "Black O[...] Higgins adalah sebagai [...] an" kepada kumpulan M[...] masih lagi ingin memb[...] terhadap semua orang as[...] tish dalam regimen ya[...] perintah Higgins.
10.25 TAYANGAN GAMBAR "House on Skull Mounta[in]"
12.05 SIARAN TAMAT.

## HARI KHAMIS 29 SEPTEMBE[R]

**PETANG**

2.00 PEMBUKAAN
2.02 AL-QURAN DAN MARI [KITA] BERDOA
2.13 SUSUNAN RANCANGA[N]
2.15 A DAY FOR THANKS [...] WALTON'S MOUNTAI[N] (Tayangan Gambar)
3.35 AZAN ASAR
3.38 THE SINGING COWBO[Y] AGAIN
4.15 KAP KAP UDANG
4.45 RANO KARNO BERSA[MA] SUGIANTO
5.30 WIND IN THE WIL[LOWS]
6.00 BERITA AWAL
6.05 WIND IN THE WIL[LOWS] sambungan
6.21 AZAN MAGHRIB
6.31 WIND IN THE WI[LLOWS] sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 VOYAGERS — "Buffalo Bill And Annie Play The Place"
7.33 AZAN ISYAK
7.38 VOYAGERS — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 HIDAYAT
9.05 DUNIA MINGGU INI
9.35 DRAMA: "Selembut Sutera"
10.20 SALAM MESRA DARI "THE UNWANTED"
10.50 CHICO AND THE MAN
11.05 THE DEVLIN CONNECTION: "Allison"
11.55 SIARAN TAMAT.

## HARI JUMAAT 30 SEPTEMBER

**TENGAH HARI**

12.00 PEMBUKAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.13 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 SIARAN LANGSUNG SEMBAHYANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN BANDAR SERI BEGAWAN

**PETANG**

1.25 ABC WIDE WORLD OF SPORTS
2.15 BRET MAVERICK: "The Eight Swords of Dyrus And Other Illusions of Grandeur"
3.00 MIGHTY MAN AND YUKK
3.30 JOANIE LOVES CHACHI: "Everybody Loves Aunt Vanessa" Chachi membayangkan satu masa depan yang cerah bagi pancaragam mereka apabila seorang pengeluar piring hitam wanita yang cantik menaruh minat kepada kumpulan mereka. Tetapi wanita itu mempunyai tujuan lain dari itu.
3.35 AZAN ASAR
3.38 JOANIE LOVES CHACHI — sambungan
4.00 THE PUPPY'S NEW ADVENTURE
4.25 FILEM RENCANA TEMPATAN: "Panorama" Bhg. 2
4.55 THE ELECTRIC COMPANY
5.10 WORLD OF TOOLS
5.35 RICKETY ROCKET
6.05 YOU ASKED FOR IT
6.21 AZAN MAGHRIB
6.31 WIDEWORLD: "Braving The Waves"

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE YOUNG LAWYERS: "Th[...]"

[...]yang yang dapat [me]nampung 240 orang [pe]nonton serta bilik ini [ju]ga dapat dipergunakan [un]tuk majlis seminar dan [...]limat.

Stadium negara ini juga [di]perlengkapkan dengan [bil]ik persidangan yang



sehingga 120 orang peserta, sebuah restoran, dewan gerak badan, pusat perubatan, tiga buah gelanggang squash dan bilik latihan.

Di hadapan bangunan ini telah disediakan beberapa batang bendera yang melambangkan negara-negara yang menyertai satu-satu kejohanan antarabangsa.

Untuk kemudahan orang ramai yang berkunjung ke stadium ini telah disediakan letak kereta yang dapat menampung lebih 3,000 buah kenderaan dan kemudahan letak kereta ini akan ditambah jika keperluan meningkat.

Berseberangan dengan tempat duduk bagi kerabat-kerabat Diraja serta orang kenamaan ialah tempat menyalakan obor sukan terbesar.

Bagi acara-acara trek nanti sama ada tempatan atau antarabangsa stadium ini telah memper[...]

stadiu[m] papan yang ringg[...] lebih dan luruh[...] Te[...] papan kegun[aan] satu Mela[...] 'Score[...] jaring[...] puny[a] dapa[t] sesua[i] kame[ra] Al[...] terus masa biasa stadiu[m] meng[...] keduc[...] yang mem[...] mem[...] secar[a] dad[a] K[...] stadiu[m]

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 JOHN DENVER SHOW
7.31 AZAN ISYAK
7.36 JOHN DENVER SHOW — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 MARI MEMASAK: "Rendang Daging Berkacang" Resipinya ada disiarkan di muka lain akhbar ini.
9.35 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA: "Cinta Rahsia"
11.00 TAYANGAN GAMBAR AKHIR: (Drama) "Vision of Death" Seorang professor memberitahu pihak polis Denver akan satu pandangan jauh perasaannya bahawa ada seorang yang hendak meletupkan sesuatu di bandar itu. Professor itu ditangkap apabila sebuah bangunan di bandar itu meletup. Pelakon-pelakon: Monte Markhan, Barbara Anderson, Telly Savalas, Tim O'Connor, dan lain-lain.
12.30 SIARAN TAMAT.

## HARI AHAD 2 OKTOBER

**[PETAN]G**

PEMBUKAAN
AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
SUSUNAN RANCANGAN
FANGFACE: "Dinosaur Daze"
THE JEFFERSONS (Episod terakhir)
BIG LEAGUE SOCCER
AZAR ASAR
BIG LEAGUE SOCCER — sambungan
SMURF
COMPUTER PROGRAMME
SEVEN BRIDES FOR SEVEN BROTHERS: "Daniel's Song"
SPIDERMAN
BERITA AWAL
SPIDERMAN — sambungan
ALICE: "Alice Gets A Pass"'
AZAN MAGHRIB
ALICE — sambungan

**[MAL]AM**

BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
SIMON AND SIMON: "Guessing Game"
AZAN ISYAK
SIMON AND SIMON — sambungan
WARTA BERITA
SIARAN LANGSUNG BINTANG ASLIRAMA
FORAM
MIND YOUR LANGUAGE
SIARAN TAMAT.

## HARI ISNIN 3 OKTOBER

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 PIGEON STREET: "Somewhere To Eat"
5.15 SCOOBY AND SCRAPPY D[OO]
5.40 SHIRT TALES
6.00 BERITA AWAL
6.05 SHIRT TALES — sambungan
6.15 BLAKE'S SEVEN
6.17 AZAN MAGHRIB
6.27 BLAKE'S SEVEN — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TALES OF THE GOLD M[ONKEY] "Force Of Habit" Jake dan kawan-kawann[ya] [...] apabila mendapati seorang [...] nita mereka yang hendak [...] sumpah untuk menjadi [...] (nun) merampas kapal [...] ka untuk digunakan bagi [...] satu kecurian ke atas satu [...] ubat-ubatan.
7.31 AZAN ISYAK
7.36 TALES OF THE GOLD M[ONKEY] — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 THE MAKING OF MANKI[ND] "Sitting Down"
9.35 LEVKAS MAN (Episod terakhir)
10.35 ALL STAR WRESTLING
11.35 SIARAN TAMAT.

## HARI SELASA 4 OKTOBER

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KI[TA] BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 PACMAN
5.30 THE GARY COLEMAN SHO[W]
6.00 BERITA AWAL
6.05 DOKUMENTARI—BILL BUR[...] QUEST: "Carnivorous" Bhg. [...]
6.17 AZAN MAGHRIB
6.27 DOKUMENTARI — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE FALL GUY: "Bail and Bond"
7.31 AZAN ISYAK
7.36 THE FALL GUY — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 ARENA SUKAN
9.35 DYNASTY
10.35 TAYANGAN GAMBAR: "Love's Savage Fury" Kisah drama cinta di [...] run lepas. Pelakon-pelakon: [...] fer O'Neill, Perry King, Robert [...] Edward Lauter, dan lain-lain.
12.05 SIARAN TAMAT.

# Rancangan TVP dari 3 Okt. — 8 Okt. 1983

## ISNIN — 3 OKTOBER

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 968. Dalam rancangan kali ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat aktiviti-aktiviti seperti BOLA TUMBUK, YANG MANA GANJIL, MINUM, MAIN KERUSI, HALAMAN MENYANYI dan CERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 968.

## SELESA — 4 OKTOBER

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 969. Rancangan hari ini Cikgu Rokiah akan membawa anak-anak membuat aktiviti-aktiviti seperti BELON SI MANIS, DI MANA TEMPATNYA, MINUM, SI MANIS, KATA SI MANIS, HALAMAN CERITA dan CERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 969.

## RABU — 5 OKTOBER

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 970. Dalam rancangan kali ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat aktiviti-aktiviti seperti MAIN MUZIK, PETI SURAT, MINUM, BOLA TUMBUK, MENGATUR GAMBAR dan CERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 970.

## KHMAIS — 6 OKTOBER

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 971. Rancangan hari ini akan dimuati dengan aktiviti-aktiviti [...] BAKUL, TUNJUK BEN[DA] [...] NUM, BOLA TUMBUK, [...] BELAJAR dan CERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 971.

## SABTU — 8 OKTOBER

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 972. Dalam rancangan kali ini Cikgu [Rokiah dan] kiah dan anak-anak akan [...] aktiviti-aktiviti seperti KE[...] SELAMATAN, BELON SI [MANIS], MINUM, YANG MANA G[ANJIL], HALAMAN BERCERITA dan [CER]MIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 972.

# ...ancangan Rancangan RADIO

**...AKTU SIARAN:**

... Bahagian Melayu ... Brunei bermula dari ... 6.00 pagi terus me... hingga jam 10.30 ... setiap hari.

**... F.M. STEREO**

... bagi kawasan Brunei-... dan Temburong.

... bagi kawasan Tutong dan Belait.

**...ANG SEDERHANA**

... atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.

... atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

## TIAP-TIAP HARI:

**PAGI**

| | |
|---|---|
| 6.00–6.02 | Allah Peliharakan Sultan |
| 6.05 | Sinaran Wahyu |
| 6.15 | Dendang Suria |
| 6.45 | Berita |
| 6.50 | Dendang Suria |
| 7.05 | Panduan Sukan |
| 8.15 | Intisari Rancangan |

**TENGAH HARI**

| | |
|---|---|
| 12.00–12.45 | Sajian Tengah Hari (Mempersembahkan lagu-lagu stereo) |
| 12.15 | Mutiara Titah |
| 1.00 | Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Khamis) |

**PETANG**

| | |
|---|---|
| 5.45 | Brunei Dalam Sejarah |
| 6.00 | Siri Mukaddam |
| | Bingkisan Hari Ini |
| | Siaran langsung menunaikan sembahyang Fardu Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddin. |

**MALAM**

| | |
|---|---|
| 10.15 | Bacaan Al-Quran |
| 10.24 | Doa Restu |
| 10.29 | Allah Peliharakan Sultan. |

## WARTA BERITA:

| | |
|---|---|
| 6.45 pagi | (Berita-berita |
| 8.00 pagi | dalam dan luar negeri) |
| 10.00 pagi | |
| 12.45 tengah hari | |
| 1.30 tengah hari | (tiap-tiap hari Jumaat) |
| 3.00 petang | |
| 5.30 petang | |
| 8.00 malam | |

**MENYIARKAN AZAN:**

Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

## HARI RABU
## 28 SEPTEMBER

...—Taman Mekar (SU), 9.00—...antarabangsa, 9.30—Pilihan Pen-... 10.15—Permintaan Pagi Rabu, ...Lambaran Dari Awda, 11.30—... Ramlee.

...HARI: 1.30—Hiburan Paduan ...

...—Dunia Wanita (SU), 2.30 ...Sekolah-sekolah (SU), 3.15—... 4.00—Serbanika Hiburan ...—Bangsawan Di Udara (Ta-... Siri Kedua), 5.00—Untuk ...—Senandung Senja.

...—Belia Mewakili Zamannya, ... Irama, 8.15—Permintaan ... 8.45—Titian Budaya (SU), ... Pendalaman, 9.30—Pur-...wara.

## HARI KHAMIS
## 29 SEPTEMBER

...—Pertanian (SU), 9.00—Ran-... Hari Perlembagaan, 9.30—...ngar, 10.15—Penglipur La-...—Hiburan Untuk Adik-adik ...—Permintaan Sukaramai.

...HARI: 1.30—Puspasari/Hiburan.

...—Purbawara/Citrawara, (SU), ... Radio (SU), 3.15—Hi-... 3.30—Majalah Ugama, ... Gambus, 4.15—Balai Dra-... 4.45—Untuk Awda, 5.45—...

...—Bacaan Surah Yassin, 7.15 ... Irama, 8.15—Hiburan Ma-...—Bimbingan Al-Quran, 9.00—...Quran, 9.30—Lagu-lagu Asli.

## HARI JUMAAT
## 30 SEPTEMBER

...—Irama Dakwah, 9.30—Dunia ...—Soalan Di Udara, 10.30 ...Quran, 11.00—Mutiara Asli, ... Al-Quran (SU).

...HARI: 12.00—Lagu-lagu Dak-...—Bacaan Ayat-ayat Suci Al-...—Siaran Langsung Menunai-... Fardu Jumaat, 1.15—... 1.45—Lagu-lagu Ins-...

...—Pertandingan Aslirama ... Siri Keempat, 3.15—... 3.20—Hiburan Petang, ... Dewasa Di Udara, 4.00 ... 4.15—Dialog Semasa, 4.30 ... Tetangga, 5.00—Sun-... Jumaat, 5.15—Senandung ... 5.45—Sayu dan Mer-...

...—Cerpen Dan Salukan, 8.25 ... Malam, 8.30—Pilihan Pen-...—Majalah Ugama (SU), ... Berpantun (SU).

## HARI SABTU
## 1 OKTOBER

PAGI: 8.30—Pelajaran Dewasa Di Udara (SU), 9.00—Riang Ria, 9.15—Soalan Di Udara (SU), 9.30—Hiburan Untuk Adik-adik, 10.15—Varia Peristiwa (SU), 10.30—Rampaisari, 11.30—Pilihan Pendengar.

TENGAH HARI: 1.30—Lagu-lagu Dari Filem, 1.45—Dialog Semasa.

PETANG: 2.00—Permintaan Hujung Minggu, 3.15—Hiburan, 3.30—Cerpen Dan Salukan (SU), 4.00—Mingguan Pelajar (SU), 4.30—Mutiara Asli (SU), 5.15—Untuk Awda, 5.45—Kuliah Ugama.

MALAM: 7.00—Surat Dari London, 7.15—Selingan Irama, 8.15—Permintaan Malam Minggu, 9.00—Bangsawan Di Udara (SU), 9.30—Usaha Jaya, 9.45—Senandung Malam.

## HARI AHAD
## 2 OKTOBER

PAGI: 9.00—Taman Mekar, 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15—Hiburan, 10.30—Sandiwara Radio, 11.00—Kugiran Tanah-air, 11.30—Berbalas Pantun.

TENGAH HARI: 12.00—Tahniah dan ucap Selamat, 1.00—Permintaan Hari Minggu.

PETANG: 2.00—Serbanika Hiburan, 2.30—Pesta Pop Minggu Ini, 3.15—Panduan Sukan, 3.20—Irama Gembira, 3.30—Titian Budaya, 3.45—Majalah Sukan, 4.15—Hiburan Petang Minggu, 4.30—Bujang Si Gandam, 5.00—Tetamu Radio, 5.45—Hiburan Senja.

MALAM: 7.00—Seni Dan Sastera, 8.15—Hiburan Malam, 8.30—Suara Perajurit, 9.00—Hiburan/Puspasari (SU), 9.30—Di Buang Sayang.

## HARI ISNIN
## 3 OKTOBER

PAGI: 8.30—Menyusur Pendalaman, 9.00—Wanita dan Lagu, 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15—Berdendang Denganku, 10.30—Permintaan Sukaramai, 11.30—Pertanian.

TENGAH HARI: 1.30—Dari Pendengar Untuk Pendengar.

PETANG: 2.00—Lukisan Masyarakat (SU), 2.30—Mari Berpantun, 3.15—Pilihan Juruhebah, 3.30—Mingguan Pelajar, 4.00—Dendang Remaja, 4.30—Ruangan Kitani, 4.45—Rampaian Joget, 5.00—Belia Mewakili Zamannya, 5.15—Untuk Awda, 5.45—Kuliah Ugama (SU).

MALAM: 7.00—Majalah Sukan (SU), 8.15—Hiburan Malam, 8.30—Sains Dan Perusahaan, 9.00—Lagu-lagu Keroncong, 9.30—Kutujukan Lagu.

## HARI SELASA
## 4 OKTOBER

PAGI: 8.30—Suara Perajurit (SU), 9.00—Dendang Antarabangsa, 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15—Lagu-lagu Berirama Dangdut, 10.30—Rampaian London, 10.45 Lagu-lagu Permintaan Kaum Wanita, 11.15—Dari Lambaran Awda, 11.30—Senandung Seloka.

TENGAH HARI: 1.30—Hiburan Riang Ria.

PETANG: 2.00—Ku Sampaikan Salam, 3.15—Gema Silam, 3.30—Usaha Jaya (SU), 4.00—Gema Keroncong/Puspa-rama, 4.30—Seni Dan Sastera, 5.00—Varia Peristiwa, 5.15—Untuk Awda, 5.45—Hiburan Senja.

MALAM: 7.00—Ruangan Kitani (SU), 7.15—Selingan Irama, 8.15—Permintaan Sukaramai, 9.00—Kugiran Tanahair (SU), 9.30—Bahas Sekolah-Sekolah.

# RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

## EVENING

### Wednesday

CLASSICAL MUSIC NIGHT

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Classical music night with Rory Higgins |
| 8.30 | Hello Tomorrow |
| 9.00 | Popular Classics |
| 9.30 | Classical Music (continued) |

### Thursday

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | International Money Programme. |
| 8.15 | Sixty-Minute Theatre: "Bingo" by Edward Bond. |
| 9.30 | Country Club — 60. |

### Fridays/Holidays

A.M.

| | |
|---|---|
| 11.00 | A Feature: "Lost Civilisations — A series of short feature on four ancient civilisations which are now being rediscovered with explanations by archaelogists involved in the excavation work. |
| 11.15 | Light Music From The Netherlands — 667. |
| 11.30 | Children's half hour |

NOON

| | |
|---|---|
| 12.00 | John Fox Presents — 19/18. |
| 12.45 | My Music — 268/267. |

P.M.

| | |
|---|---|
| 1.15 | Book Club. "Cry the Beloved Country" by Alan Paton—6/10. |
| 8.00 | The World of Books. |
| 8.30 | Up The Belait River Without A Paddle |
| 9.00 | Perspective |
| 9.30 | A Date with . . . (repeat) |

### Saturday

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Melody Time. |
| 8.30 | Strictly Instrumental |
| 8.45 | Just A Minute — 275/287. |
| 9.30 | Top of The Pops — 982. |

### Sunday

A.M.

| | |
|---|---|
| 11.00 | Our Views: A discussion programme with chairlady Hayati Pehin Salleh — prog. 19. |
| 11.30 | Practical World |
| 11.45 | London This Week. |
| 12.00 | A Date with . . . |

P.M.

| | |
|---|---|
| 12.45 | Review of the Week |
| 1.00 | Top of The Pops — 982 (repeat) |
| 1.30 | Close Down. |

STUDENT NIGHT

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Inter-School Science Quiz Competition Finals — 1983 Upper Secondary — STPRI vs SOAS College. |
| 8.30 | Beautiful Music — 40/48. |
| 8.45 | BBC Science Magazine. |
| 9.30 | Drama: "Patterson" — by Malcolm Bradbury and Christopher Bigsby — a comedy serial set in an English provincial university — 5/8. |

### Monday

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Theatre Forty-Five: "Hamish and Max" by James Cameron. |
| 8.45 | Profile. |
| 9.30 | A Play On Words — 14. |

### Tuesday

POP MUSIC NIGHT

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Just For You |
| 9.00 | In Sentimental Mood |
| 9.30 | Stereo Pop Special "The Boomtown Rats" Side 2. |

### Daily

A.M.

| | |
|---|---|
| 6.30 | Allah Peliharakan Sultan. |
| 6.32 | Quran and It's translation |
| 6.40 | Brunei's AM. |
| 7.00 | Local News, weather forecast, tide times and Brunei In History. |
| 7.05 | Brunei's AM (continued) |
| 11.00 | Ladies At Eleven — except Friday and Sunday. |
| 12.00 | Lunch Break — except Friday and Sunday. |
| 12.30 | News, Weather Forecast, Sidelines and Brunei In History. |

P.M.

| | |
|---|---|
| 9.15 | News. |





DI MUZIUM, Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam bersama putera puteri Diraja yang lain telah dijunjung melihat pameran barang-barang lama oleh Timbalan Pengarah Muzium, Awang Metussin bin Omar (gambar atas). Kanan — kelihatan pelawat Diraja bersama Pengarah Muzium, Awang Abdul Razak Muhammad sedang memerhati bentuk rumah salah satu puak asli Brunei. Manakala gambar bawah kelihatan Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah bersama salah seorang putera Diraja sedang meneliti bagaimana penghasilan minyak dijalankan melalui pameran di bahagian perusahaan minyak.

# Putera dan Puteri2 Kebawah D.Y.M.M. law Muzium dan Pusat Kesenian





DI PUSAT Latihan Kesenian dan Pertukangan pelawat Diraja dijunjung memerhati secara dekat ... kerja tenunan dilakukan sambil mendengar penerangan oleh Penyelia/Pengajar pusat tersebut, Awang Yassin bin Haji Metassim (gambar atas). Gambar bawah menunjukkan salah seorang ... tenunan sedang menerangkan secara menyeluruh mengenai hal tenunan kepada pelawat-pelawat ... Manakala gambar kiri Y.T.M. sedang mendengar penerangan dari Awang Metussin Omar ... minyak di salah satu pameran di Muzium.





# ...WATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## ...CAWANGAN LAUT, PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI

...mohonan ... daripada ... berkelayak... jawatan... berikut ... Pasukan ...

...TINGKAT

...EB. 5 —

...Pengalaman :

... dalam keju... di Seko...

...pengalaman ... 5 tahun ... perka... itu hen... pengala... kerja ke ... ICE (Enjin ...) hing... Kuda), ... gear ... systems ... tersebut. ... kebolehan ... kakitangan

b) Mempunyai 5 tahun pengalaman dalam kerja-kerja membuat badan Kapal/Perahu dan dalam kerja-kerja yang berkaitan dengan "superstructure" kapal yang dibuat dari besi keluli dan kayu.

c) Pandai menggunakan perkakas-perkakas yang bertenaga elektrik.

d) Pengetahuan asas mengenai pembinaan dan rekabentuk Kapal/Perahu.

e) Kebolehan membuat kerja-kerja "metal refabrication" dan mempunyai pengetahuan tentang kerja-kerja "rivetting" dan "welding".

f) Sebaik-baiknya mempunyai pengetahuan membuat kerja yang menggunakan bahan "glass fibre products".

g) Pengetahuan mengena jenis-jenis cat dan cara menggunakannya untuk memelihara badan dan "supersructure' kapal daripada lekas binasa.

4. TUKANG ELEKTRIK LAUT TINGKAT I:

...3 EB. 4 —

...Pengalaman :

... sesuatu sijil ... Sekolah ... kelayak... ...

...membaiki en... combus... menggunakan ... disel. ... membuka dan ... kom... enjin/ ... marine. ... menggunakan ... hand-tools) ... mengendalikan ... alat keleng... ... yang ... dan

...NA

...4-5 EB. 6 —

...Pengalaman :

... sesuatu ... Sekolah ... telah ... perantis ... Kapal/

**Tanggagaji** : C. 1 EB. 2 — $1110-$1685 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman** :

a) Telah menjalani latihan sebagai tukang elektrik di Sekolah Pertukangan atau pertubuhan yang serupa dengan mempunyai pengalaman 5 tahun dalam pertukangan itu.

b) Cekap mengendalikan alat--alat elektrik A.C. dan D.C. dengan mengetahui semua amaran-amaran keselamatan (Security Prictices) termasuk penggunaan sistem 3 fasa 440 Volt (440 Volt 3 phase system).

c) Mempunyai pengetahuan membaiki alat-alat berikut:—

i) Penghidup (Starters)
ii) Motor
iii) Janakuasa (Generators)
iv) Janarus Ulangalik (Alternators)
v) Papansuis dan komponen-komponennya
vi) Sistem-sistem wayar atau pendawai
vii) Komponen-komponen kawalan
viii) Penjagaan bateri
ix) Bekalan-bekalan lampu (Pencayaan)

d) Mahir menggunakan alat-alat uji elektrik.

e) Jika mempunyai pengetahuan tentang elektrik adalah lebih baik.

5. PENYELIA PEMBINA KAPAL:

**Tanggagaji** : C. 1 EB. 2 — $1110-$1685 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman** :

a) Tamat menjalani sesuatu kursus latihan di Sekolah Pertukangan atau telah mengikuti latihan perantis sebagai pembuat kapal/perahu.

b) Mempunyai 8 tahun pengalaman dalam kerja-kerja membuat badan kapal/perahu dan dalam kerja-kerja yang berkaitan dengan "Superstructure" kapal yang dibuat dari besi keluli dan kayu.

c) Mahir menggunakan perkakas-perkakas kecil dan mesin pertukangan kayu.

d) Mempunyai pengetahuan tentang pembinaan dan rekabentuk kapal.

e) Mahir membuat kerja-kerja "metal refabrication" dengan mempunyai pengetahuan tentang kerja-kerja "rivetting" dan mengimpal.

f) Pengetahuan membuat kerja yang menggunakan bahan "glass fibre products".

g) Mempunyai pengetahuan jenis-jenis cat serta cara menggunakannya untuk memelihara badan dan "superstructure" kapal daripada lekas binasa.

h) Mempunyai pengalaman mengawasi pekerja-pekerja lain di dalam pekerjaan pembinaan kapal dan pekerjaan-pekerjaan lain yang berkaitan dengannya.

**Syarat-syarat Lantikan** :

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrek selama tiga tahun dan pembaharuan kontrek adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus tahunan juga dibayar. Faedah-aedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25% setelah sempurna tamat kontrek.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Brunei akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada Cukai Pendapatan dikenakan di Brunei.

Permohonan-permohonan hendaklah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup : 2 Nobember, 1983.

(E/1984/77)
(Bil: 185/1983)

## Di Jabatan Penerbangan Awam

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PEGAWAI PENYELIA LANDASAN LAPANGAN TERBANG di Jabatan Penerbangan Awam, Brunei.

**Tanggagaji** : C. 1-2 EB. 3 — $1110-$1980 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman** :

a) Calon-calon mestilah berumur di antara 25 hingga 40 tahun.

b) Lunlus sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran dalam peperiksaan SAP peringkat "O" atau yang sebanding dengannya.

c) Telah berkhidamat sekurang-kurangnya selama 5 tahun sebagai Pengawas Tingkat Khas di mana-mana Jabatan Kerajaan.

d) Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang mempunyai pengalaman mengawal dan menyelia pekerja-pekerja termasuk juruteknik dan mekanik.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab** :

a) Calon-calon yang terpilih akan bertugas di Bahagian Landasan Jabatan Penerbangan Awam dan bertanggungjawab bagi pengurusan kakitangan Bahagian Pemeliharaan Landasan dan perkara-perkara yang bersangkut-paut dengannya.

b) Bersedia untuk menjalankan tugas bagi memenuhi keperluan operasi penerbangan.

c) Sebagai tambahan, Penyelia Landasan juga bertanggungjawab bagi pemeliharaan bangunan-bangunan di dalam dan di sekitar kawasan Lapangan Terban gseperti RBA Hangar, Flight Kitchen dan bangunan-bangunan Navaids.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup: 24 Oktober, 1983.

(E/1063/83)
(Bil : 190/1983).

## Sebagai Tukang Cat

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai TUKANG CAT di Jabatan Laut, Brunei.

**Tanggagaji** : F. 1-2-3-4 EB. 5 — $350-$560 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman** :

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak kurang dari 20 tahun dan sebaik-baiknya tidak lebih dari 35 tahun.

b) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai pengalaman sebagi tukang cat dan tugas-tugas am buruh.

c) Pemohon-pemohon mestilah sihat tubuh-badan, biasa bekerja setinggi 100 kaki dari paras permukaan bumi dan boleh berenang.

**Tugas-tugas** :

Calon-calon yang berjaya akan menjalani tugas-tugas am menyelenggara, membersihkan dan mencat lampu-lampu pancang laut dan tanda-tanda pelayaran laut di perlayaran-pelayaran di seluruh Negara. Mereka akan dikehendaki untuk menjaga kawasan-kawasan yang bertentangan dengan tanda-tanda pelayaran laut yang berpangkalan di darat daripada ditumbuhi oleh semak-belukar dan menebang pokok-pokok serta memotong rumput.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup: 25 Oktober, 1983.

(E/211/82)
(Bil : 192/1983).

## Sebagai Pemeriksa di Jabatan Audit

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PEMERIKSA di Jabatan Audit, Brunei.

**Tanggagaji** : D. 1-2-3 EB. 4-5 — $425-$1290 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman** :

Pemohon-pemohon mestilah lulus sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran Brunei dan mempunyai kelulusan yang baik dalam mata pelajaran Ilmu Hisab.

Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang berpengalaman atau pernah mempelajari Ilmu Menyimpan Kira-kira.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan. Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup: 25 Oktober, 1983.

(E/595/72)
(Bil: 191/1983)

## ...gai Guru Sekolah Arab

...permohonan ... daripada ... berkelaya... ... sebagai ...AH ARAB ... Ugama.

...—$1260-$1980

...Pengalaman :

... kurang

... hendaklah ... daripa... ... ber...

... kelulusan ... (Thakha... ...Sekolah Arab ... Singapura ... sebanding

... Sijil Pela... ... Brunei, ... Maktab Per... ... Begawan ... mana... ... Pengiruan ... deng...

... mempunyai ... dengan ... Arab ... pengantar se... ... dari 5 ta... ... Menengah

**Syarat-syarat Lantikan** :

Calon calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrek selama 3 tahun. Pembaharuan kontrek adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonos juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25% setelah sempurna tamat kontrek.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Brunei akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Brunei.

Permohonan mestilah dibuat dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup: 24 Oktober, 1983.

(E/801/73) (Bil: 182/1983)

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PERPINDAHAN BRUNEI

**BIL. 7 TAHUN 1983**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas 'B' bagi :

PROJEK : "NOMINATED SUB-CONTRACT FOR THE SUPPLY AND INSTALLATION OF SEWAGE PUMPING EQUIPMENT."

Dokumen-dokumen tawaran yang berkenaan bolehlah dilihat dan didapati dari yang berikut:—

Jabatan Perpindahan,
Tingkat 3,
Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
Kawasan Lapangan Terbang Lama,
Jalan Berakas,
Brunei

mulai dari 21 September, 1983 sehingga hari Sabtu 8 Oktober, 1983, jam 4.00 petang.

Tarikh tutup : 10 Oktober, 1983.

Cagaran tawaran : $200.00.

Syarat-syarat Tawaran

1. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Pejabat Pegawai Kewangan Negara di Tingkat Bawah Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 10 Oktober, 1983.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklar dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei.
4. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
5. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.
6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

## TENDER NOTICE RBMR

TENDER No. 66/1983

SUPPLY OF ICEMAKERS

1. General Conditions of RBMR Contract for purchase of Goods and Services dated February 1983 are to apply.

2. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the ground floor of the Secre. tariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 1200 noon, on Monday 17th October, 1983.

3. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistic Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Bolkiah Camp, during normal working hours, (0370 to 1230 and 1330 to 1630 Mondays to Thursdays, 0730 to 1130 Fridays, Saturdays and Sundays closed).

4. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Jurutera Kerja Kanan

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk dilantik sebagai JURUTERA KERJA KANAN di Jabatan Kerja Raya, Brunei.

**Tanggagaji :**
Kumpulan 4 — $4320.00 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Hendaklah memegang jawatan sebagai Jurutera, Akitek atau Juruukur Bahan yang telah ditetapkan dalam jawatan.
b) Mempunyai minat dalam kerja-kerja pengurusan.
c) Mereka yang mempunyai kelayakan tambahan dalam bidang pengurusan dan menjadi ahli suatu badan ikhtisas yang diiktiraf adalah diutamakan, seperti MICE, ARICS, AIQS, ARIBA atau MIStructE.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

Bertanggungjawab kepada Pengarah Kerja Raya dalam hal-ehwal pengurusan projek-projek Kerajaan termasuk meneliti serta menilai perjalanan projek-jrojek yang dikendalikan oleh semua pemborong-pemborong.

**Syarat-syarat Lantikan :**

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrek selama 3 tahun. Pembaharuan kontrek adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25% setelah sempurna tamat kontrek.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Brunei akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani tempoh percubaan. Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Brunei.

Permohonan mestilah dibuat dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup: 14 Oktober, 1983.

(E/934/83)
(Bil : 162/1983).

## ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI

### PEGAWAI BERTAULIAH TETAP

ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI mempelawa pemuda-pemuda Negara Brunei Darussalam satu kerjaya yang mencabar dan mulia sebagai Pegawai Bertauliah Tetap dalam Pasukan ini. Pasukan ini sedang membesar dan berkehendakkan pemuda-pemuda untuk dilatih sebagai pegawai-pegawai tentera dan dalam bidang keahlian seperti jurusan Penerbangan, Pelaut, Logistik, Kejuruteraan dan Elektronik. Jika Awang-Awang berkebolehan dan mempunyai kelayakan-kelayakan akademik yang diperlukan, Pasukan ini akan membantu Awang-Awang untuk dilatih di dalam bidang-bidang tersebut.

Pasukan ini percaya yang Awang-Awang bersedia untuk menerima cabaran ini. Memohonlah sekarang, temuduga Lembaga Pemilihan Pegawai-Pegawai Pasukan akan diadakan dalam awal bulan Nobember 1983. Awang-Awang mestilah menghantar permohonan Awang-Awang kepada Pemerintah Askar Melayu Diraja Brunei, Berakas Garison dan sampai tidak lewat dari 7 Oktober, 1983.

Untuk terpilih, Awang-Awang mestilah memenuhi syarat-syarat yang diperlukan seperti berikut:

a. Awang-Awang mestilah dilahirkan di Brunei dan rakyat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada orang-orang Melayu dari kaum jati puak-puak Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.

b. Jika Awang bukan dari kaum jati puak-puak tersebut, Awang mestilah berugama Islam dan mensesuaikan diri Awang dengan adat resam orang-orang Melayu yang diamalkan di Negara Brunei Darussalam dan rakyat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang tertakluk kepada sebarang undang-undang bertulis yang berhubung dengan taraf kebangsaan.

c. Awang-Awang mestilah lulus sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran GCE peringkat 'O' atau kelulusan sebanding dengannya dan hendaklah lulus dalam Bahasa Inggeris. Kelulusan dalam Ilmu Hisab dan mata-mata pelajaran Sains yang lain atau apa-apa jua kelulusan akademik yang lebih tinggi akan diberi keutamaan.

d. Awang-Awang mestilah masih bujang dan berumur di antara 17½ hingga 25 tahun pada 1 Januari, 1984.

e. Tinggi sekurang-kurangnya 5 kaki 1 inci dan berat badan tidak kurang 105 paun.

f. Lulus pemeriksaan kesihatan tentera.

Jika Awang-Awang terpilih sebagai bakal calon Pegawai Kadet, Awang-Awang akan menjalani latihan asas tentera di Pusat Latihan Perkhemahan Bolkiah selama 6 ke 9 bulan. Tertakluk kepada lulusnya Awang-Awang dalam latihan tersebut Awang-Awang seterusnya akan dihantar ke seberang laut untuk menjalani kursus Pegawai Kadet. Setelah tamat dan lulus berkursus di seberang laut, Awang-Awang akan menerima tauliah sebagai pegawai di dalam Pasukan AMDB.

Jika Awang-Awang inginkan penerangan yang lebih lanjut lagi silalah berhubung kepada :

Timbalan Penolong Ejutan Jeneral (DAAG)
Markas Pasukan
Askar Melayu Diraja Brunei
Berakas Garison
Telefon : 31111 samb. 23347, 23307 atau 23284.

Dan untuk melicinkan urusan pentadbiran, sila berikan nombor telefon Awang-Awang di dalam permohonan Awang-Awang.

## JABATAN KERJA RAYA, BRUNEI — PEMBERITAHUAN TAWARAN

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. *Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Pejabat Pegawai Kewangan Negara di Tingkat Bawah Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan) kecuali hari kelepasan awam.*
2. *Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.*
3. *Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei.*
4. *Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya Brunei, Bandar Seri Begawan, Brunei.*
5. *Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).*
6. *Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.*
7. *Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.*
8. *Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.*

### BIL. 350 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk :

PROJEK : "PEMBINAAN SATU BLOK TAMBAHAN BILIK DARJAH (4) DAN KERJA-KERJA YANG BERSANGKUTAN DENGANNYA BAGI SEKOLAH MELAYU BENGKURONG, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 29 September, 1983.

Tarikh tutup : 3 Oktober, 1983.
Cagaran tawaran : $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 351 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk :

PROJEK : "PEMULIHAN DAN MEMPERBAIKI KUMPULAN PENGADANG YANG ADA DI JAMBATAN SUNGAI TEMBURONG DI BANGAR."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 29 September, 1983.

Tarikh tutup : 3 Oktober, 1983.
Cagaran tawaran : $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 352 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pem-borong Kelas "AX" dan ke atas untuk :

PROJEK : "PEMBINAAN PARIT KONKRIT TULANG DI SEPANJANG JALAN (BT. 4½) SIMPANG JALAN GADONG, BRUNEI-MUARA."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam hari Khamis 29 September, 1983.

Tarikh tutup : 3 Oktober, 1983.
Cagaran tawaran : $500.00 + $100.00 (lukisan)

### BIL. 353 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pem-borong Kelas 'B' dan ke atas untuk:

PROJEK : "PEMBINAAN CABANG SALURAN JIS DAN SAMBUNGAN KE 2 BUAH PANGSA KELAS 'B' DI ANGGEREK DESA 2 BUAH RUMAH PANGSA GURU-GURU LAS 'E' DI SEKOLAH MELAYU ANGGEREK DESA, JALAN BERAKAS, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam hari Khamis 29 September, 1983.

Tarikh tutup : 3 Oktober, 1983.
Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 (lukisan)

### BIL. 354 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pem-borong Kelas "AX" dan ke atas untuk :

TAWARAN BARU

PROJEK : "MENINGGIKAN BAHAGIAN JALAN RAYA DAN JAMBATAN BAGI PUSAT DAN KOMPLEKS SUKAN YANG DICADANGKAN DI KUALA BELAIT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh didapati di Cooper, MacDonald & Partners, 210 Complex, Mile 1½, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan jam 4.00 petang hari Khamis 6 Oktober, 1983 6 Oktober, 1983.

Tarikh tutup : 10 Oktober, 1983.
Cagaran tawaran : $500.00 + $100.00 (lukisan)

### BIL. 355 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pem-borong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK : "PEMBINAAN DAN PENYIAPAN BAGAI SAIZ LONGKANG R.C. MEMB DAN MEMASANG FOOTPATH KONKRIT TUANG DAHULU (PRECAST CONCRETE) DAN LAIN-LAIN KERJA TAMBAHAN MEMPERBAIKI SISTEM PARIT DI KAMPONG SERUSOP, JALAN BERAKAS BATU 4½, BANDAR SERI BEGAWAN."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 hari Khamis 29 September, 1983.

Tarikh tutup : 3 Oktober, 1983.
Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 (untuk

### BIL. 356 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pem-borong Kelas "A" untuk

PROJEK : "KERJA-KERJA ANGKATAN TENTERA DI SERIA — MEMBANGUN SEMULA PEJABAT DAN STOR-STOR, IBU PEJABAT GARRISON, SERIA."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh didapati di Akitek Bersatu, 148, Jalan Pemancha, Bandar Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 13 1983.

Tarikh tutup : 17 Oktober, 1983.
Cagaran tawaran : $500.00 + $100.00 (lukisan)

### BIL. 357 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pem-borong Elektrik Kelas 'B' dan 'A' yang berdaftar :

PROJEK : "ELEKTRIK DAN LAMPU CAWANGAN PASAR DI SUNGAI KEBUN, BANDAR BEGAWAN, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh didapati di Sepakat Setia Perunding, 2nd Floor, Pemancha, Bandar Seri Begawan hingga jam hari Khamis 6 Oktober, 1983.

Tarikh tutup : 10 Oktober, 1983.
Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 (lukisan)

### BIL. 358 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pem-borong Elektrik Kelas 'A' yang berdaftar :

PROJEK : "ELEKTRIK DAN LAMPU — CAWANGAN PASAR DI GADONG, BANDAR SERI BEGAWAN BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh didapati di Sepakat Setia Perunding, 2nd Floor, Pemancha, Bandar Seri Begawan hingga jam hari Khamis 6 Oktober, 1983.

Tarikh tutup : 10 Oktober, 1983.
Cagaran tawaran : $500.00 + $100.00 (lukisan)

### BIL. 359 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pem-borong Kelas 'B' dan ke atas untuk:

PROJEK : MEROBOH DAN MEMBINA RAMBLER BANK N.E. BEACON No. BAT LAUT)

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam hari Khamis 29 September, 1983.

Tarikh tutup : 3 Oktober, 1983.
Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 (untuk

## TAWARAN JABATAN STOR-STOR DAN PERBEKALAN NEGARA BRUNEI

### No. 66/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 10 Oktober, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei:—

PEMBEKALAN STEEL PIPE FITTINGS AND SPECIALS.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa watku-waktu bekerja.

### No. 67/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 10 Oktober, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei:—

PEMBEKALAN INDUSTRIAL MASKING TAPE BERJENIS-JENIS UKURAN.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 68/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 10 Oktober, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei:—

PEMBEKALAN WATER METERS.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa watku-waktu bekerja.

### No. 69/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 10 Oktober, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei:—

PEMBEKALAN CANGKUL 3 LBS CAP "CROCODILE".

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

# ...WATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN, BRUNEI

...-permohonan ... daripada ... berkelayakan ... jawatan- ... yang berikut ... Perubatan dan ...

...TU TEKNIK

... Dingin dan ...

... Bangunan. ... Kejuru- ... Khas Rumah ...

... C.2 EB. 3 — ... sebulan.

... Pengalaman :

... Diploma ... Teknikal ... sebanding ... dalam bidang ... dan berkaitan. ... selama 5 tahun dalam lapangan yang berkaitan, sebaik-baiknya dalam kerja-kerja pemeliharaan dan pembaikan. Pengalaman dalam perkhidmatan kejuruteraan rumah sakit adalah satu kelebihan.

c) Pemohon-pemohon yang tidak memenuhi kelayakan di atas tetapi mempunyai pengalaman lebih lama dan sesuai, serta mempunyai kebolehan dan kecekapan akan juga dipertimbangkan.

2. PEMBANTU TEKNIK:
   - i) Mekanikal.
   - ii) Elektrik.
   - iii) Jentera.
   - iv) Hawa Dingin dan penyejukan
   - v) Bangunan.
   - vi) Perkhidmatan Kejuruteraan Khas Rumah Sakit.

**Tanggagaji:** D. 1-2-3 EB. 4-5 — $425-$1290 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Sijil Intermediate City and Guilds atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya dalam mata-mata pelajaran yang sesuai.

b) Pengalaman selama 4 tahun dalam lapangan yang berkaitan, sebaik-baiknya, dalam kerja-kerja pemeliharaan dan pembaikan. Pengalaman dalam kerja-kerja perkhidmatan kejuruteraan rumah sakit adalah satu kelebihan.

c) Pemohon-pemohon yang berkelulusan rendah dari yang tersebut di atas tetapi berpengalaman lebih lama dalam bidang yang berkaitan, serta mempunyai kebolehan dan kecekapan akan juga dipertimbangkan.

3. TRADESMAN KUMPULAN I TINGKAT KHAS:
   - i) Mekanikal.
   - ii) Elektrik.
   - iii) Jentera.
   - iv) Hawa Dingin dan penyejukan
   - v) Perkhidmatan Kejuruteraan Khas Rumah Sakit.

**Tanggagaji:** D. 3 EB. 4 — $720-$1175 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Sijil Pertukangan Kejuruteraan Intermediate City and Guilds atau Kelulusan Kejuruteraan yang diiktiraf sebanding dengannya dalam jurusan yang sesuai.

b) Pengalaman selama 4 tahun dalam bidang yang bersangkutan, sebaik-baiknya dalam kerja-kerja pemeliharaan dan pembaikan. Pengalaman dalam kerja-kerja kejuruteraan rumah sakit adalah satu kelebihan.

c) Pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelayakan di atas tetapi mempunyai pengalaman yang lebih lama serta kebolehan dan kecekapan dalam bidang yang berkenaan akan juga dipertimbangkan.

4. TRADESMAN KUMPULAN II TINGKAT KHAS:
   - i) Mekanikal.
   - ii) Elektrik.
   - iii) Hawa Dingin dan penyejukan
   - iv) Bangunan dan Kerja-Kerja Pemasangan Paip

**Tanggagji:** D. 2 EB. 3 — $515-$900 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Sijil Asas Pertukangan Kejuruteraan City and Guilds atau kelulusan Pertukangan Kejuruteraan yang di iktiraf sebanding dengannya dalam jurusan yang berkaitan.

b) Pengalaman selama 3 tahun dalam kerja-kerja yang berkenaan, sebaik-baiknya dalam kerja-kerja pemeliharaan dan pembaikan. Pengalaman dalam kerja-kerja Perkhidmatan Kejuruteraan Rumah Sakit adalah satu kelebihan.

c) Pemohon-pemohon yang tidak memcapai kelayakan di atas akan juga dipertimbangkan bergantung kepada kelamaan pengalaman serta kebolehan dan kecekapan dalam kerja-kerja yang berkaitan.

5. TRADESMAN KUMPULAN II TINGKAT I:
   - i) Mekanikal.
   - ii) Elektrik.
   - iii) Hawa Dingin dan penyejukan
   - iv) Bangunan.
   - v) Kerja-kerja/Pemasangan Paip.

**Tanggagaji:** E. 1-2-3 EB. 4 — $410-$700 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Lulus sekurang-kurangnya Kursus Latih Asas Pertukangan Kejuruteraan dari sebuah Sekolah Teknikal yang diiktiraf atau lulus sekurang-kurangnya Tingkatan III serta mempunyai pengalaman tidak kurang dari 2 tahun dalam Kerja-Kerja Pertukangan Kejuruteraan yang berkaitan.

b) Pemohon-pemohon mestilah mengetahui serta mempunyai kebolehan dan kecekapan dalam kerja-kerja yang berkaitan.

c) Pengalaman dalam Kerja-Kerja Kejuruteraan Rumah Sakit adalah satu kelebihan.

**Am:**

Calon-calon yang berjaya akan ditugaskan di Bahagian Pemeliharaan Bangunan dan Kejuruteraan di Rumah Sakit Raja Isteri Anak Saleha, Kiulap, Brunei. Mereka mestilah bersedia bertugas di luar waktu bekerja biasa bila-bila masa dikehendaki.

**Syarat-syarat Lantikan:**

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrek selama 3 tahun. Pembaruan kontrek adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25 peratus setelah sempurna tamat kontrek.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Brunei akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Brunei.

Bagi pemohon-pemohon di dalam Negara Brunei Darussalam borang permohonan boleh didapati di Jabatan Perjawatan, Tingkat 4, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Borang permohonan boleh juga didapati daripada Suruhanjaya Brunei, 7A, Tanglin Hill, Singapura ATAU Suruhanjaya Brunei No. 36, Jalan U Thant, Kuala Lumpur, Malaysia dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup: 20 Oktober, (E/642/82)

(Bil: 176/1983)

## ...RITAHUAN TAWARAN KERAJAAN BRUNEI

...AN-tawaran adalah dipelawa bagi membekal ... Alat Perkakas Pejabat yang disebutkan di bawah ... 1984:

**JENIS BARANG**

...tive Desk 72" x 34" x 30"
...cal Double Ped Desk 60" x 30" x 30"
...cal Single Ped Desk 48" x 30" x 30"
...t Table: With Stationery Slope
...tive Chair
...cal Chair with Arm Rest
...t Chair
...rs Chair
... Filing Cabinet 4 drawers
... Cupboard 72" x 18" x 36"
...ontal Plan File Cabinet 30" x 46" x 35" — 6 drawers
...cal Plan File Cabinet 49½" x 34" x 17½"
...ble Recorder File Cabinet — 20 trays
...e Tray 10" x 15" x 2½"
... Waste Paper Bin
...case with Glass Sliding Door 40" x 36" x 18"
...fting Table
...fting Chair
...rity Fire Proof File Cabinet — 4 drawers
...al Typewriter 18"
...al Typewriter 26"
... 24 Digit Desk-Top Electronic Calculator with automatic print-out and illum'native display
...icating Machine Electric
...tric/Electronic Typewriter
...ier Machine
...dder Machine
...ding Machine
...cial Cutting Machine
...er Rack 5 tier
...e Medium Size
...ference Table
...ference Chair
...rary Shelving 5 shelves
...d Catalogue Cabinet 25 drawers
...ile Shelving
...rary Table
...rary Chair
...nter Chair.

...-tawaran hendaklah ditujukan kepada Penge... Tawaran, Brunei dan dimasukkan ke dalam Peti ... terletak di Pejabat Kewangan Negara di Tingkat ... Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri ... tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada ... 1983. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari ... yang ditetapkan itu tidak akan dilayan.

...-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul ... yang tertutup dan pada sebelah depan tiap ... surat itu hendaklah ditandakan "TAWAR... MEMBEKAL PERABOT DAN ALAT PERKAKAS ... Nama atau identiti penawar sama sekali tidak ... pada sampul surat tawaran itu.

... tawaran-tawaran itu hendaklah tentukan harga ... jenis barang termasuk cukai dan pembuat ... serta negeri asal barang-barang itu ... dinyatakan dengan jelas. Syarat-syarat jami... tersedianya alat-alat ganti dan pemeli... jika ada, untuk mesin-mesin pejabat mestilah ...

...penawar yang berjaya akan dikehendaki me... barang-barang itu dari masa ke masa ke tempat ... oleh Pegawai Kewangan Negara.

... yang dibekalkan hendaklah menurut bu... yang dinyatakan dalam tawaran dan ... butir-butir dan penentuan yang dikehen...

... tawaran ialah sebanyak $500.00 (Lima Ratus ...

... tidak akan terikat untuk menerima tawaran ... atau mana-mana sebaliknya Kerajaan boleh ... sebahagian sahaja dari tawaran itu.

## Di dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

1. PENJAGA JENTERA TAPISAN AIR KOLAM BERENANG:

(Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan).

**Tanggagaji:** E. 1-2-3 EB. 4 $410-$700 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak kurang dari 20 tahun dan sekurang-kurangnya lulus Darjah IV Melayu atau sebanding dengannya.

b) Keutamaan akan diberikan kepada calon-calon yang mempunyai pengetahuan dalam Kerja Jentera Tapisan Air.

c) Pemohon-pemohon mestilah boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil dan mencampur ubat kelorian.

**Tugas-tugas:**

Calon-calon yang berjaya mestilah bersedia untuk bekerja di luar waktu bekerja yang biasa bagi Pegawai-Pegawai Kerajaan. Selain dari itu calon mestilah juga dikehendaki menjalankan tugas sebagai Penyelamat Nyawa (Life Guard) dari masa ke semasa.

2. PEMANDU MOTOR SANGKUT TINGKAT KHAS: (Jabatan Hal Ehwal Ugama).

**Tanggagaji:** E. 2 EB. 3 — $470-$605 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak lebih dari 45 tahun.

b) Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 3 tahun sebagai pemandu motor sangkut dan biasa hilir mudik di Sungai Brunei, terutamanya perjalanan ke Daerah Temburong.

c) Pandai membaca dan menulis.

d) Sekurang-kurangnya mempunyai kebolehan sedikit sebanyak dalam urusan membaiki kerosakan jentera motor sangkut.

3. PEGAWAI PERUSAHAAN KAMPUNG: (Jabatan Pertanian).

**Tanggagaji:** D. 1-2 EB. 3-4 — $425-$1175 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18 — 25 tahun dan lulus sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

b) Keutamaan akan diberi kepada mereka yang lulus dalam mata-mata pelajaran Sain dan mempunyai pengalaman di bidang pertanian.

c) Bagi pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelayakan di (a) dan (b) tetapi pernah menghadiri kursus-kursus pertanian dalam negara dan mempunyai pengalaman bekerja di Jabatan Pertanian sebagai Pegawai Perusahaan Kampung bergaji hari selama tidak kurang dari 3 tahun akan juga dipertimbangkan.

**Latihan dan Tugas:**

a) Pemohon-pemohon yang berjaya akan diberi latihan asas pertanian di Pusat Latihan Pertanian Sinaut selama lebih kurang 3 bulan.

b) Setelah berjaya menamatkan latihan mereka akan ditugaskan di kampung-kampung dalam mana-mana daerah. Antara tugas-tugas yang akan dijalankan ialah membimbing, menasihat dan mengadakan tunjuk-tunjuk cara kepada peladang-peladang wanita dalam aspek-aspek pertanian seperti bertanam sayur-sayuran, buah-buahan dan memelihara ternakan kecil.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, tidak lewat dari 6 Oktober, 1983.

(E/25/73)

(Bil: 174/1983).

## PERMIT BAS BEKERJA

LEMBAGA Melesen Kenderaan Bermotor kini mengeluarkan permit Bas Pekerja (BK) dengan mengunakan kenderaan jenis "Wagon".

a) TUJUAN BAS PEKERJA

Bas ini digunakan bagi mengangkat pekerja-pekerja syarikat pembangunan, kilang, supermarket atau hotel dari satu tempat bekerja ke tempat bekerja yang lain atau dari tempat kediaman ke tempat bekerja. Bas tidak dapat digunakan bagi kegunaan lain dari yang ditetapkan ini.

b) KELAYAKAN BAGI MEMOHON

Permit ini terbuka bagi pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat jati dan syarikat rakyat jati Negara ini sahaja. Bas hendaklah diuruskan sendiri oleh pemohon yang berjaya dan tidak diserahkan kepada pihak lain untuk menjalankannya.

c) CARA MEMOHON

Dengan mengisi borang permohonan yang disediakan yang boleh didapati dari Pejabat Pengangkutan Darat (Bahagian Lembaga Melesen) di Jalan Gadong, dengan menyertakan, selain dari perkara-perkara yang diperlukan dalam borang permohonan itu, satu surat perjanjian di antara pemohon syarikat yang berkenaan bagi menyatakan syarikat tersebut bersetuju menggunakan perkhidmatan bas si pemohon untuk mengangkat pekerja-pekerja syarikat itu.

d) BUTIR-BUTIR SURAT PERJANJIAN

Surat perjanjian yang ditandatangani oleh pemohon permit bas pekerja dengan syarikat yang akan memerlukan bas itu, antara lain, akan menyatakan perkara-perkara berikut:—
- a) Tempoh perjanjian
- b) Bayaran yang akan dibuat oleh syarikat menggunakan bas.
- c) Waktu-waktu bas akan diperlukan.

e) TEMPOH PERMOHONAN

Tidak terhad selagi ada syarikat, kilang, supermarket atau hotel yang memerlukan bas tersebut.

f) TEMUDUGA

Pada kebiasaannya setiap pemohon akan ditemuduga oleh Lembaga Melesen.

Semua Permohonan hendaklah ditujukan kepada:

Pengerusi,
Lembaga Melesen
Kenderaan Bermotor,
d/a Ibu Pejabat
Pengangkutan Darat,
Jalan Gadong,
Brunei.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARA

## DI JABATAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, BRUNEI.

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Dewan Bahasa Dan Pustaka, Brunei.

1. PENOLONG PEGAWAI ISTILAH:

**Tanggagaji:** D. 1-2-3 EB. 4-5 — $425-$1290 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Pemohon-pemohon mestilah lulus 3 mata pelajaran Peringkat Biasa (tidak termasuk mata pelajaran Senilukis) dalam Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya dan dapat menguasai 2 bahasa (satu daripadanya bahasa Melayu) dengan baik.

b) Mempunyai bakat dan kecenderongan dalam kerja-kerja istilah.

c) Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang berkebolehan membaca dan menulis Jawi dengan baik.

2. PEMBANTU PERPUSTAKAAN:

Tanggagaji: D. 1 EB. 2-3 — $425-$900 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

a) Mempunyai kelulusan 'O' Level dalam 2 mata pelajaran (tidak termasuk Senilukis) dan dapat menulis dan membaca Jawi dengan baik (satu ujian bertulis akan diberikan).

ATAU

b) Mempunyai kelulusan Sijil Rendah Pelajaran, berpengalaman dalam kerjaya perpustakaan sekurang-kurangnya 3 tahun dan pernah mengikuti kursus dalam bidang perpustakaan;

c) Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang dapat menguasai 2 bahasa (satu daripadanya bahasa Melayu);

d) Pemohon-pemohon mestilah bertenaga, mempunyai keperibadian yang baik, sudi bekerja bergilir-gilir (jika dan di masa yang perlu) di cawangan perpustakaan dan juga dengan semua golongan.

3. PENYELENGGARA STOR TINGKAT III:

**Tanggagaji:** E. 1-2-3 EB. 4 — $410-$700 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18 hingga 25 tahun dan lulus sekurang-kurangnya tingkatan III atau yang sebanding dengannya.

b) Calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di atas tetapi mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja Penyelenggara Stor boleh juga dipertimbangkan.

4. PEMANDU TINGKAT KHAS:

**Tanggagaji:** E. 1-2-3 EB. 4 — $410-$700 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 30 hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membaca.

b) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai pengalaman sebagai Pemandu sekurang-kurangnya selama 10 tahun yang mana 5 tahun daripadanya sebagai Pemandu Tingkat I.

c) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai lesen memandu Kelas IH dan 5 yang sah dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu serta boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.

d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

5. PEMANDU:

Tanggagaji: F. 3-4 EB. 5— $430-$560 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 40 tahun dan hendaklah tahu menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu.

b) Mereka mestilah pemandu-pemandu yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu Kelas 3 yang sah serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu dan boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.

c) Mempunyai lesen memandu Kelas 5 dan Kelas 11 (sebelas) adalah merupakan satu kelebihan.

d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

**Am:**

Calon-Calon yang berjaya bagi jawatan (4) dan (5) mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift). Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana saja di seluruh negara.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil tidak lewat dari 11 Oktober, 1983.

( E/598/76 )

( Bil : 179/1983 ).

## Di Jabatan Radio Dan Televisyen

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan Radio dan Televisyen, Brunei.

1. PENGAWAS (TUKANG LETRIK):

**Tanggagaji:** D. 3 EB. 4-5 — $720-$1290 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

Calon-calon hendaklah sekurang-kurangnya mempunyai 3 tahun pengalaman sebagai Pelatih Teknikal/Juruelektrik yang bertugas di studio televisyen. Kebolehan sebagai seorang pemimpin dalam mengawal bilangan kakaitangan yang kecil, adalah diperlukan.

Pemohon-pemohon yang terdiri daripada Juruletrik yang mempunyai kelayakan yang sesuai dalam bidang pertukangan dan pengalaman dalam kerja-kerja pemeliharaan pemasangan elektrik juga akan dipertimbangkan.

**Tugas-tugas:**

Bertanggungjawab terhadap Pengawas Lampu bagi menyelia Juru-juru Letrik Studio yang bertugas mengawas perlengkapan lampu-lampu studio. Bertanggungjawab sebagai orang utama bagi pemeliharaan elektrik dalam studio.

2. PEMBANTU STUDIO:

**Tanggagaji:** F. 1-2 EB. 3 — $350-$470 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

Calon-calon mestilah sekurang-kurangnya telah lulus Tingkatan III aliran Melayu atau Inggeris dan bersopan-santun serta mempunyai perwatakan yang baik. Berminat dalam kerja studio Radio adalah merupakan satu keistemewaan.

**Tugas-tugas:**

Mengutip dan menghantar pita-pita. Memandu atau mengiring para penonton. Mengiringi artis-artis ke bahagian solek, pakaian, kantin dan lain-lain. Memastikan yang studio dan bilik-bilik kawalan sentiasa dalam keadaan kemas.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil tidak lewat dari 20 Oktober, 1983.

(E/670/75) (Bil: 183/1983)

## PENGELUARAN PERMIT BAS AWAM PERJALANAN BANGAR/BATANG DURI

ADALAH dengan ini dimaklumkan bahawa Lembaga Melesen Kenderaan Bermotor akan mengeluarkan 1 permit bas awam perjalanan Bangar/Batang Duri.

2. Orang-orang perseorangan, syarikat-syarikat kerjasama atau syarikat-syarikat tempatan di daerah atau di kawasan yang berkenaan sahaja yang berhak memohon bagi pertimbangan Lembaga Melesen Kenderaan Bermotor. Pemohon-pemohon perseorangan atau ahli-ahli syarikat hendaklah terdiri dari rakyat jati Negara Brunei Darussalam dan mereka hendaklah tidak memegang sebarang jawatan dalam perkhidmatan Kerajaan Negara Brunei (dikecualikan ahli-ahli syarikat kerjasama yang dibolehkan di segi undang-undang), syarikat-syarikat atau firma-firma sama ada bergaji bulan atau bergaji hari. Selain daripada kehendak-kehendak yang mesti dipatuhi oleh pemohon-pemohon seperti yang dicatatkan dalam borang-borang pemohonan bagi permit di atas, berikut adalah penerangan-penerangan tambahan kepada pemohon-pemohon:—

(a) Pemohon-pemohon metilah bersedia untuk ditemuduga;

(b) Pemandu bas mestilah mempunyai lesen kelas 6 dan diakui sihat oleh Pegawai Perubatan Kerajaan;

(c) Pemohon-pemohon hendaklah mencatatkan tambang-tambang bas yang akan dikenakan iaitu menurut kehendak di muka 3 dalam borang permohonan;

(d) Pemohon-pemohon hendaklah menyatakan jadual masa perjalanan bas; dan

(e) Bas itu hendaklah boleh memuat kira-kira dua puluh (20) orang penumpang.

3. Mereka-mereka yang telah memohon tetapi tidak berjaya atau permohonan-permohonan mereka belum dapat dipertimbangkan kerana semasa mereka memohon itu belum ada kekosongan permit yang dimaksudkan, bolehlah memohon semula jika mereka mahu berbuat demikian bagi pertimbangan Lembaga Melesen Kenderaan Bermotor.

4. Semua permohonan hendaklah menggunakan borang-borang permohonan yang boleh didapati di Ibu Pejabat Pengangkutan Darat, Jalan Gadong dan Pejabat Daerah Temburong. Permohonan-permohonan mestilah sampai di Ibu Pejabat Pengangkutan Darat, Jalan Gadong, Brunei tidak lewat dari 15 Oktober, 1983. Permohonan-permohonan yang lewat diterima tidak akan dilayan.

## TENDER NOTICE
## ROYAL BRUNEI POLICE FORCE

No. 49/1983

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan up to 12.00 noon on Monday 17th October, 1983.

SUPPLY OF ANTENNAS AND ACCESSORIES.

2. Tender documents can be obtained from Staff Officer 'C' Police Headquarters, Gadong.

3. Approximate date of delivery and prices must be stated.

4. Tenders must be placed in plain sealed envelope and must be addressed to the Chairman, Tenders Board and clearly marked:—

"ROYAL BRUNEI POLICE FORCE — SUPPLY OF ANTENNAS AND ACCESORIES".

5. The Government of Brunei **does not bind itself to accept the lowest or any tender.**

No. 51/1983

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan up to 12.00 noon on Monday 17th October, 1983.

SUPPLY OF ELECTRONIC SPARES.

2. Tender documents can be obtained from Staff Officer 'C', Police Headquarters, Gadong.

3. Approximate date of delivery and prices must be stated.

4. Tenders must be placed in sealed envelope and the cover must be addressed to the Chairman, Tenders Board and clearly marked:—

"ROYAL BRUNEI POLICE FORCE — SUPPLY OF ELECTRONIC SPARES"

5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## PEMBERITAHUAN TAWARA

1. TAWARAN-tawaran adalah dijemput oleh Pengerusi Lembaga Tawaran yang beralamat di pejabat Kewangan Negara, Brunei tingkat bawah, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dari pemborong-pemborong Kelas 'A' sehingga hari Isnin, 17 Oktober 1983 jam 12.00 tengah hari bagi pembinaan projek yang tersebut di bawah:—

CADANGAN 11KV SUBSTATION DAN PEJABAT-PEJABAT BERTEMPAT DI KAWASAN DEWAN MAJLIS/LAPAU, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang disediakan di atas tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar melalui sampul surat yang bertutup dengan tidak memberikan apa-apa identiti pemborong dan sampul surat itu mestilah ditujukan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dan mestilah ditanda dengan seperti berikut:—

TAWARAN UNTUK:
CADANGAN 11KV SUBSTATION DAN PEJABAT-PEJABAT BERTEMPAT DI KAWASAN DEWAN MAJLIS/LAPAU, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

4. Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan tawaran yang berkenaan bolehlah dilihat dan didapati dari yang berikut:—

Public Works Department
2nd Floor,
Quantity Surveyor Section
Old Airpo
Brunei
mulai dari hari
tember 1983
petang hari K
ber, 1983.

5. Cagaran
deopsit)
(Seribu R
adalah dikehe
oleh pembo
yang hendak
waran. Cagara
akan dikemba
mua pembo
yang tidak
menghantar tawa
sih (bona-fide

6. Sebelum
men tawaran
mua pemboro
adalah dikehen
dan melihatk
kara yang beri

a. Pemboro
itu adala
yang berd
ian Kerja
Kategori
yang dike

b. Surat ak
bank yang
Brunei yang
kan bank-
dapat meng
der depos
peratus da
jek jika pe
berjaya.

7. Tawaran-taw
dihantar dengan
borang-borang
telah disedia
yang mempunya
tidak dilayan.

8. Kerajaan Ke
Yang Maha Ma
Seri Baginda Su
Dipertuan Nega
russalam tidak
menerima taw
yang rendah a
apa jua tawaran

## REGULAR COMMISSIONED OFFICE
## IN ROYAL BRUNEI MALAY REGIME

THE ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT ... young men of Negara Brunei Darussalam a chal... and rewarding career as Regular Commissioned O... in the Regiment. The Regiment is an expandin... which needs young men to be trained as Infantry ... and in the specialised fields such as Flying, Sea... Logistics, Engineering and Electronic. If you ... necessary academic qualifications and aptitudes, ... giment will arrange your training in those subjects.

The Regiment is sure you will want to accept ... a challenge. Apply now for the next Regimental ... Commissioning Board which is scheduled for early N... ber 1983. You should submit your application ... Commander, Royal Brunei Regiment, Berakas Garr... reach him not later than 7th October, 1983.

To be eligible, you must meet the following ... ments:

a. You must be a person born in Brunei and a ... of His Highness the Sultan dan Yang Di... Negara Brunei Darussalam belonging to one ... Malay race namely; Belait, Bisaya, Brunei, ... Murut, Kedayan and Tutong.

b. If you are from a non-indigenous race, ... profess the Muslim religion, conform to ... customs as practised in Negara Brunei Da... and be a subject of His Highness the Su... Yang Dipertuan Negara Brunei Darussa... virtue of any written law relating to nat...

c. You should have passed at least 4 subjects ... 'O' Level or equivalent which should include ... is English Language. Passes in Mathema... other higher academic qualifications will b... special consideration.

d. You should be single and between 17½ and 2... old on 1st January, 1984.

e. Height must be at least 5 feet 1 inch and wei... less than 105 lbs.

f. Passed military medical checks.

If you are accepted as a potential officer ca... will undergo basic military training at Bolkiah C... a period of 6 to 9 months. Subjects to successf... pletion of this training you will be sent overseas fo... Officer Cadet course.

Having passed your overseas training you wi... your commission in the Regiment.

If you wish to obtain further information ... contact:

Deputy Assistant Adjutant General (DAAG
Royal Brunei Malay Regiment
Berakas Garrison
Telephone: 31111 Ext. 23347, 23307 or 23...

And for administrative convenience, please ... your telephone number in your application.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI JABATAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA BRUNEI.

...AN-permohonan ...lawa daripada ... terdiri dari ... Duli Yang ... Paduka Seri ... dan Yang ... Negara Brunei ... memenuhi ... kosong yang ... Bahasa dan ...

...OLA ...BANGAN ... MELAYU:

... C. 3-4 EB. 5 ... sebulan.

... Pengalaman:

... kelulusan Di... bidang Baha... bersesuaian yang ...

... kelulusan da... pelajaran Sijil ...kat 'A' dan se...nya Sijil Am Peringkat 'O' ...punyai pengala... kecenderungan ...kerja bidang ...dak kurang dari ...

... kelulusan se...nya 3 mata ... Sijil Am Pering... dan mempunyai ... kecenderung... kerja-kerja bi... lebih kurang ...

... membaca dan menu...

... Bahasa Inggeris ... menulis dan ...). Menguasai ...kurangnya satu ... merupakan ...

... minat untuk ... penyelidikan dan ... mengenai Baha...

... dalam kursus ... Pengajian Melayu ... /Intitusi yang ... satu kele...

...RANG

... C. 3-4 EB. 5 ... sebulan.

... Pengalaman:

... Diploma ... Seni Kreatif di ... kesusasteraan dari ... Institusi/Mak... diakui.

... kelulusan da... pelajaran Sijil ... Peringkat ... sekurang-kurang... pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat 'O' dan mempunyai pengalaman dan kecenderungan dalam kerja-kerja penulisan kreatif sastera dan kebudayaan sekurang-kurangnya selama 2 tahun.

ATAU

c) Mereka yang tidak mempunyai kelulusan di atas tetapi mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 7 tahun sebagai Pengarang di dalam Institusi Penerbitan Kerajaan atau swasta akan juga dipertimbangkan. Mereka hendaklah dapat menunjukkan kerja-kerja yang sudah diterbitkan.

d) Menguasai Bahasa Inggeris (Membaca, menulis dan menterjemah). Menguasai satu bahasa ketiga adalah merupakan satu kelebihan.

3. PEGAWAI ISTILAH:

**Tanggagaji**: C. 2 EB. 3 — $1260-$1980 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Mempunyai kelulusan Diploma di bidang yang bersesuaian dari Maktab/Institusi yang diakui.

ATAU

b) Mempunyai kelulusan dalam 2 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat 'A' dan sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat 'O' dan mempunyai kecenderungan dan pengalaman dalam kerja-kerja bahasa.

ATAU

c) Mereka yang tidak mempunyai kelulusan di atas tetapi mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 5 tahun dalam kerja-kerja bahasa boleh juga dipertimbangkan.

d) Mempunyai inisiatif untuk merancang kerja-kerja bagi kemajuan dan perkembangan bahasa.

e) Dapat membaca dan menulis jawi dengan baik.

f) Menguasai Bahasa Inggeris dan bahasa ketiga adalah diberi keutamaan.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei. Tarikh tutup: 20 Oktober, 1983.

(E/1903/83)

(Bil: 184/1983).

## Sebagai Guru Bahasa

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk dilantik sebagai GURU BAHASA di Pusat Pengkajian, Askar Melayu Diraja Brunei, Brunei.

**Tanggagaji**: T.7 — $875-$1805 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Sijil pendidkan atau Diploma Pendidikan dan mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman mengajar.

b) Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang bahasa ibunda mereka ialah Bahasa Inggeris dan mempunyai kelulusan atau pengalaman di bidang mengajar Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Asing.

**Syarat-syarat Lantikan:**

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrek selama 3 tahun. Pembaharuan kontrek adalah atas persetujuaan bersama. Selain daripada gaji, bonus juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25% setelah sempurna tamat kontrek.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Brunei akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Brunei.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutop: 7 Nobember, 1983.

(E/1715/77) (Bil: 189/1983)

## Di Jabatan Muzium - Muzium, Brunei.

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan Muzium-Muzium, Brunei.

1. KURATOR AKIOLOJI:

**Tanggagaji**: B.2 EB.3 atau B.3 — $1975-$3640 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Berumur di antara 18 hingga 45 tahun.

b) Berkelulusan sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda Sastera yang diakui dalam jurusan Akioloji atau Antropoloji atau Sejarah, atau Sarjana Muda Sains yang diakui dalam jurusan Geoloji.

**Kemahiran dan**

**Kecenderungan:**

Berpengalaman dalam merancang dan melakukan kerja-kerja penggalian di kawasan-kawasan purbakala, melakukan kerja-kerja penyelamatan ke atas tinggalan-tinggalan purbakala; berkebolehan dalam melakukan kerja-kerja penyelidikan, penganalisaan dan penafsiran ke atas tinggalan-tinggalan purbakala serta mahir dalam karang-mengarang dan menulis laporan-laporan yang berkenaan dengan kerja-kerja Akioloji. Cenderung dalam melakukan kerja-kerja luar di mana sahaja, terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar tanpa mengira waktu-waktu bekerja biasa.

**Kemudahan Latihan:**

Bagi pemegang ijazah yang jurusannya bukan Akioloji, ia hendaklah dimestikan menjalani latihan di seberang laut dalam bidang Akioloji atau Pra-Sejarah sama ada di Muzium atau di Pusat Pengajian Tinggi demi untuk menambahkan lagi pengalaman atau kelulusan. Bagi pemegang ijazah Akioloji dia akan dihantar untuk mengikuti kursus post-graduate bagi meninggikan kelulusan dan menambah pengalaman.

**Kemajuan Kerjaya:**

(Keistimewaan)

Calon-calon yang telah dilantik dan setelah menjalani latihan atau memperolehi kelulusan akademik/profesional yang lebih baik atau telah berkhidmat 5 tahun dan jika pekerjaannya memuaskan dia akan diletakkan ke tingkatan gaji B3.

**Tugas:**

Calon yang berjaya akan bertanggungjawab kepada Pengarah Muzium-Muzium dalam pentadbiran, pengawalan, perancangan dan perlaksanaan kerja-kerja di Bahagian Akioloji. Ini termasuklah kerja-kerja penyelidikan, pengalian dan penyelamatan ke atas tinggalan-tinggalan purbakala di seluruh negara. Ianya juga bertanggungjawab dalam mengumpul dan menyedikan data-data yang berhubung dengan Akioloji negara ini bagi faedah perekodan, pengajian, penganalisaan, penafsiran dan penyusunan semua sejarah negara ini. Dengan itu dia juga berkewajipan untuk menulis bagi diterbitkan segala laporan tentang apa jua mengenai kerja-kerja Akioloji yang telah dilakukan.

2. KURATOR ETNOGRAFI:

**Tanggagaji**: B.2 EB.3 atau B.3 — $1975-$3640 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Berumur di antara 18 hingga 45 tahun.

b) Berkelulusan sekurang-kurangnya B.A. atau B.Sc. dalam Social Science atau Sociology (Kajian Masyarakat) atau Anthropology (Kajian Manusia) atau mendapat A.M.A. dalam Kajibangsa.

**Kemahiran dan Kecenderungan**

Mestilah seorang yang cenderung dalam bahagian akademik, menulis serta menyelidik.

**Kemudahan Latihan:**

Calon yang berjaya akan dihantar keluar negeri untuk membuat Post-Graduate & Studies sama ada dalam bahagian akademik iaitu mengambil ijazah Sarjana/Kedoktoran atau Diploma dalam jurusan Kajibangsa. Dia juga akan ditempatkan di sebuah Muzium Kajibangsa untuk mendapatkan pengalaman.

**Kemajuan Kerjaya:**

(Keistimewaan)

Calon yang telah dilantik dan setelah menjalani latihan atau memperolehi kelulusan akauemik/profesional yang lebih baik atau telah berkhidmat selama 5 tahun dan jika pekerjaannya memuaskan dia akan dinaikkan ke sukatan gaji B.3.

**Tugas:**

Akan bertanggungjawab kepada Pengarah Muzium-Muzium dalam pentadbiran, pengawalan, perancangan dan perlaksanaan kerja-kerja Bahaian Etnografi dan bertindak sebagai Ketua Bahagian Etnografi Ini termasuk bagi mengumpulkan, merekodkan serta menulis berkenaan dengan kebudayaan puak-puak di negara Brunei dan membuat kerja-kerja kajian yang diarahkan.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei. Tarikh tutup: 20 Oktober, 1983.

(E/1901/83)

(Bil: 187/1983).

## ... LEMBAGA BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA

... TAWARAN

...tawaran adalah ... menjalankan ...angkat dan ...najis (night-...k 274 tong di ... Lembaga ... Belait, dan ... dalam kawasan ...daran Seria pa... bagi enam ... Jun 1984).

...tawaran mestilah ... kepada Pengeru... Tawaran di Peja... Negara, Ting... Bangunan Peja... Bandar Seri Be... sehingga jam ... hari pada hari ... September, 1983. ... diterima se... waktu ini ...

...tawaran mestilah ... ke dalam sampul ... yang ber... di muka sampul ... boleh dibu... boleh menge... nama Penawar. ... sampul surat itu ...alamatkan kepada ... Lembaga Tawaran ... seperti diterangkan di fasal 2).

5. Kerja yang ditawarkan mestilah disebutkan dengan terang di atas sampul surat itu dan perkataannya mestilah "PEKERJAAN MENGANGKAT DAN MEMBUANG NAJIS DI DALAM KAWASAN-KAWASAN LEMBAGA BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA". Tawaran-tawaran yang diterima dalam sampul-sampul surat yang tidak dialamatkan dengan betul akan ditolak.

6. Surat perjanjian mengandungi peraturan-peraturan atas menjalankan pekerjaan mengangkat dan membuang najis dapat dilihat di Pejabat Lembaga Bandaran, Kuala Belait, pada bila-bila masa bekerja.

7. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang sehabis rendah atau sebarang tawaran.

8. Dua buah kenderaan khas dengan dua orang pemandu akan disediakan oleh Jabatan Lembaga Bandaran Belait untuk mengangkat dan membuang najis itu dengan tidak dikenakan apa-apa bayaran.

## JABATAN ADAT ISTIADAT NEGARA NOTIS TAWARAN

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari pada 17 Oktober, 1983 bagi membekalkan Tabir Bangunan Lapau, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Contoh Tabir tersebut boleh didapati di Jabatan 'Adat Istiadat Negara, Brunei pada bila-bila masa waktu Pejabat dibuka.

Tawaran-tawaran yang diterima selapas tarikh yang tersebut di atas akan ditolak.

Tawaran-tawaran hendaklah dikemukakan di dalam sampul surat yang bertanda 'ADAT ISTIADAT — TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN TABIR, BANGUNAN LAPAU, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.' Sampul surat tersebut hendaklah dialamatkan kepada:—

Pengerusi,
Lembaga Tawaran,
d/a Pegawai Kewangan Negara,
Bandar Seri Begawan,
Brunei.

Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran-tawaran yang rendah ataupun apa-apa jua tawaran.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN

PEMBORONG-pemborong adalah dipelawa untuk menghantar tawaran-tawaran mereka bagi menjalankan perkhidmatan Kantin Sekolah-Sekolah Ugama Menengah yang berikut, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei, di Batu 1½, Jalan Tutong:—

i) Kantin Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah; dan

ii) Kantin Sekolah Ugama (Arab) Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit.

2. Tawaran hendaklah dihantar kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara di bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan tidak lewat pada hari Isnin, 17 Oktober, 1983, jam 12.00 tengah hari.

3. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.

4. Semua tawaran hendaklah dikirimkan dengan sampul surat yang bertutup ditulis dengan nama tawaran Kantin Sekolah Menengah Arab yang yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong.

5. Wang pendahuluan tawaran hendaklah dibayar ke bahagian Kewangan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan, bilik no: 202, tingkat pertama sebanyak $100.00 (seratus ringgit sahaja).

6. Pemborong yang berjaya pada kebiasaannya akan menjalankan perkhidmatan kantin sekolah yang berkenaan dalam tempoh dua tahun mulai dari tarikh perjanjian ditandatangani.

7. Penerangan-penerangan lanjut atau syarat-syarat tawaran mengenai perkara ini boleh diperolehi dari Pengetua-Pengetua Sekolah Menengah yang berkenaan.

8. Kerajaan tidak akan terikat menerima sebarang tawaran yang mahal atau tawaran yang difikirkan tidak munasabah.

## ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT TENDER NOTICE

TENDER No. 65/1983 SUPPLY OF GENERATOR PANEL FOR L/R 101 (24 VOLTS).

1. General Conditions of RBMR Contract for purchase of Goods and Services dated February 1983 are apply.

2. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the ground floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 1200 noon, on Monday 3rd October, 1983.

3. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistic Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Bolkiah Camp, during normal working hours. (0370 to 1230 and 1330 to 1630 Mondays to Thursdays. 0730 to 1130 Fridays. Saturdays and Sundays closed).

4. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

# D.Y.M.M. rasmi Stadium Negara Hassanal Bolkiah

**(Dari muka 1)**

Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, serta Kerabat-kerabat Diraja yang lain.

Di antara Pembesar-pembesar yang hadir termasuklah Tuan Richard Luce Menteri Negara British bagi Hal-Ehwal Luar dan Komanwel yang melawat negara ini, T.Y.T. Pesuruhjaya Tinggi British Awang Francis Cornish, Y.T.B. Penasihat Umum Kebawah D.Y.M.M. serta lain-lain kenamaan dan pembesar negara.

Istiadat pada petang itu bermula dengan perbarisan kehormatan berjalan lalu dari beberapa pasukan persatuan-persatuan sukan kebangsaan, pancaragam sekolah, yang didahului oleh Pasukan Pancaragam Polis Diraja Brunei dan lain-lain peserta yang membawa bendera kebangsaan dan lain-lain bendera yang berwarna-warni.

Y.A.B. Pemangku Menteri Besar Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz selaku Penasihat Jawatankuasa Tertinggi Pembukaan Rasmi Stadium telah menyampaikan ucapan alu-aluan.

Ini disusuli dengan titah Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan seterusnya pengisytiharan perasmian stadium. Sejurus selepas pengisytiharan perasmian oleh Baginda, maka penuntut-penuntut sekolah yang memegang 'Flash Card' di atas stadium membuat huruf yang berbunyi 'STADIUM NEGARA HASSANAL BOLKIAH'.

Gabungan dari Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah dan Pusat Tingkatan Enam Gadong pula menyanyikan Koir lagu 'Stadium Kita' yang dicipta khas bagi istiadat tersebut yang diiringi oleh Pasukan Pancaragam Askar Melayu Diraja Brunei.

Di atas hamparan rumput stadium yang menghijau para peserta pula meneruskan persembahan mereka dengan membuat tarikh pembukaan rasmi stadium, membuat bulatan lambang sukan dan mencipta logo stadium, diikuti huruf 'ALUS 37' serta 'ALUBS 70' bererti Allah Lanjutkan Usia Seri Begawan Sultan yang bertepatan dengan hari keputeraan Baginda ke-70 tahun.

Di dalam keadaan cuaca yang cerah itu, istiadat perasmian diteruskan dengan acara terjun payung oleh 11 orang anggota Cawangan Udara Askar Melayu Diraja Brunei. Peserta terjun payung membawa bendera-bendera serta kepulan asap yang berwarna-warni bagi memeriahkan lagi istiadat tersebut dan mendarat di tengah-tengah stadium.

Suasana meriah itu digamatkan lagi oleh tepukan para penonton hampir 30 ribu orang yang membanjiri setiap sudut stadium bergema apabila 24 orang budak-budak sekolah masuk ke tengah stadium memberi hormat dan seterusnya melepaskan ribuan belon ke angkasa raya stadium.

Acara akhir di istiadat tersebut ialah perlawanan bolasepak pertunjukan di antara Pasukan Kebangsaan Brunei dengan Pasukan Sheffield United England. Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah diperkenalkan pada pengurus, pemain dan ahli-ahli persatuan BAFA sebelum permainan dimulakan.



KEBAWAH Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien yang juga [illegible] istiadat perasmian itu ketika dijunjung oleh Y.B. Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman, Pemangku [illegible]jaan.

# KEBERANGKATAN BAGINDA PERANGSANG KEPADA RAKYAT

**Oleh: Muhaimin Haji Muhamad**

BANDAR SERI BEGAWAN. — Y.A.B. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz, Pemangku Menteri Besar berkata keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ke Istiadat Pembukaan Rasmi Stadium Negara Hassanal Bolkiah disifatkan bukan saja sebagai manifesto kepimpinan Baginda yang menginginkan sebuah masyarakat yang sihat melalui kemudahan-kemudahan sukan dan olahraga, bahkan juga sebagai satu perangsang kepada rakyat terutama golongan belia yang akan banyak mendapat manfaat dari kemudahan tersebut.

Beliau menyatakan dengan terbinanya sebuah stadium merupakan satu peringatan kenang-kenangan sempena keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II ke negara ini pada awal tahun 1972 seperti yang pernah dititahkan oleh Baginda.

Y.A.B. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya berkata sebahagian daripada ongkos pembinaan stadium dibiayai oleh rakyat dan penduduk negara ini dengan menghulurkan derma seangkat-angkat hati dan ini pernah disabdakan oleh Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien di hari pengisytiharan pelancaran derma tersebut pada tahun 1972 yang antara lain bersabda;

"…..Hulurkan derma seangkat-angkat hati dengan disertai niat tulus ikhlas. Beta penuh yakin semangat memucang-mucang atau tolong-menolong masih hidup dan akan terus hidup pada setiap rakyat Brunei jati. Semangat ini hendaklah diamalkan dengan sebaik-baiknya, bukan sahaja untuk pembinaan stadium ini bahkan dalam setiap rancangan yang diusahakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan. Dengan semangat kita warisi turun-temurun ini, ditambah dengan sifat jujur serta laila amanah yang berpandukan kepada ajaran-ajaran Allah s.w.t., negara kita Brunei Darussalam yang sama-sama kita kasihi ini akan dapat menikmati suasana yang lebih makmur, aman dan sentosa….."

Beliau juga merakamkan rasa penghargaan kepada semua yang berkenaan bagi menjayakan projek raksaksa Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

## Ikuti kursus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seorang Juruteknik Ukur, di Jabatan Ukur di sini telah berlepas ke United Kingdom baru-baru ini bagi mengikuti kursus Technical Education (TEC) Diploma in Land Surveying, di De Havilland College, Elstree Way, Borehamwood, Hertfordshire, England.

Beliau ialah Awang Anuar bin Haji Muhammad Husain yang akan menuntut di sana kira-kira dua tahun di bawah Skim Latihan Dalam Perkhidmatan.

## Sumbangan derma

**(Dari muka 1)**

Mengenai dengan negara-negara lain yang menghulurkan persahabatan kerana Allah. Baginda bertitah, insya-Allah ianya akan terus diawasi serta dikaji secara mendalam dan diamat-amati ke jalan berkebajikan yang diredai oleh Allah.

## Cerita Tunku Abdul Rah[illegible] Tan Sri Ghazalie Shafie

DALAM akhbar Mingguan Malaysia [illegible] September, 1983, Tunku Abdul Rahman [illegible] Shafie telah menyentuh Negara Brunei Darus[illegible]

Penjelasan Kebawah Duli Yang Teramat [illegible] Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Sai[illegible] Waddien berhubung dengannya adalah sepe[illegible]

Menurut sejarah, tidak pernah Sultan [illegible] Negara Brunei Darussalam suka mahu [illegible] daripada Negara Brunei Darussalam.

Santapan Kebawah Duli Yang Teramat [illegible] Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Sa[illegible] Waddien berganda banyaknya daripada [illegible] Pertuan Agong Malaysia.

Hasil pendapatan minyak Negara Brunei [illegible] daripada hasil negeri-negeri jajahan [illegible] Komanwel.

Cerita Tunku Abdul Rahman dan Tan Sri Gha[illegible] dusta dan fitnah bertentangan dengan Ugama [illegible] maha mengetahui. Diingatkan kepada Tunku [illegible] Tan Sri Ghazalie Shafie jangan cuba mahu [illegible] dan mengacau-bilaukan rakyat Negara Brunei [illegible]

## Kejohanan Ateletik Ve[illegible]

PERSATUAN Ateletik Veteran Brunei mengumumkan bahawa satu kejohanan ateletik veteran akan diadakan pada 25 November depan. Kejohanan kali pertama itu terbuka kepada peserta-peserta yang berumur 39 tahun ke atas.

Oleh [illegible] olahragawan [illegible] yang ber[illegible] dapatkan [illegible] Awang A[illegible] Jabatan RT[illegible] Awang Z[illegible] Jabatan Pe[illegible] Kuala Bel[illegible]

## DPPW berangkat ke New York

**YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah berangkat ke New York, Amerika Syarikat Ahad lalu bagi menghadiri sebagai pemerhati menyertai rombongan Singapura atas jemputan Menteri Luar Singapura, Tuan Yang Terutama Mr. S. Dhanabalan, ke Perhimpunan Bangsa-bangsa Bersatu kali yang ke-38.**

**Yang Teramat Mulia diiringi oleh Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas, Peguam Negara Brunei dan Datin Masni bte Haji Ali, dan lain-lain pegawai yang mengiringi iaitu Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Perdana Indera Awang Haji Md. Taha bin Haji Bakir, dan Yang Mulia Awang Yusoff bin Haji Abdul Hamid, Setiausaha Sulit kepada Yang Teramat Mulia.**

**Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan rombongan akan berada di luar negeri selama kira-kira tiga minggu.**

## Alat2 [illegible] dan tim[illegible]

ADALAH [illegible] jabat Bahag[illegible] Timbanga[illegible] Setiausaha [illegible] pun menj[illegible] dan pend[illegible] alat berke[illegible] 1984 sejak 1 O[illegible] sementara b[illegible] burong pa[illegible] dan pencap[illegible] taran itu [illegible] sehingga 31 D[illegible] Kepada pe[illegible] mereka ya[illegible] adalah di[illegible] membahar[illegible] pendaftaran [illegible] timbangan [illegible] Mereka yang [illegible] demikian [illegible] undang akan [illegible]

DITERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIAUSAHA KERAJAAN DAN DICETAK OLEH JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN BRUNEI.